



Bukit Sadok
Permata Berega Betong
m.s. 1-2

Entelah Iban
m.s. 75

SUARA SADOK

JANUARI - JUN 2022

Edisi Ketiga

Pengumuman
Majlis Konvokesyen ke-6
m.s. 73

Inovasi Pelajar
m.s. 4

Southeast Asian Ministers of
Education Organization (SEAMEO)
TVET Exchange Programme
m.s. 20, 34-35

SUARA SADOK

Edisi Ketiga, 2022

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak

e ISSN: 2735-1793

<https://www.pmbbs.edu.my/v3/index.php/muat-turun/penerbitan/category/22-e-bulletin?download=88:suara-sadok-edisi-ketiga>

Diterbitkan oleh:

Politeknik METrO Betong Sarawak

1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong

Jalan Baru Betong,

95700, Betong, Sarawak

ISI KANDUNGAN

No	DESKRIPSI	MUKA SURAT
1	DARI MEJA REDAKSI	i
2	PERUTUSAN PENGARAH PMBS	ii
3	BUKIT SADOK PERMATA TERSEMBUNYI BETONG	1-2
4	AKTIVITI PELAJAR	3-27
5	PMBS DAN KOMUNITI	28-31
6	JARINGAN KOLABORASI	32-36
7	PENCAPAIAN PELAJAR DAN INSTITUSI	37-42
8	AKTIVITI SOSIAL	43-51
9	PENAMBAHBAIKAN KURIKULUM	52-53
10	BENGKEL DAN TAKLIMAT	54-64
11	PROMOSI	65-69
12	PEMAKLUMAN	70-73
13	RUJUKAN	74
14	ENTELAH IBAN	75

PERUTUSAN PENGARAH

POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Selamat datang ke Suara Sadok.

Pertama sekali, saya ingin menzahirkan rasa syukur saya ke hadrat ilahi atas limpah dan kurnia-Nya, Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) dapat menghasilkan dan menerbitkan E-Buletin, iaitu Suara Sadok edisi ke-3. Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan sekalung tahniah kepada jawatankuasa khas yang menggalas tugas dan tanggungjawab dalam menghasilkan Suara Sadok ini.

Suara Sadok dihasilkan bagi mengumpulkan maklumat berkenaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di PMBS sepanjang tahun. Justeru, saya menyokong agar penerbitan seperti ini diperbanyakkan lagi tanpa mengabaikan fokus utama para pendidik di politeknik ini dalam mendidik anak bangsa ke arah masa depan yang lebih bermakna.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada ahli jawatankuasa yang telah bekerja keras dalam mengekalkan kualiti penerbitan ini. Komitmen anda semua telah membuahkan hasil melalui penerbitan e-buletin ini yang boleh menjadi dokumentasi aktiviti dan pencapaian staf serta pelajar PMBS. Semoga Suara Sadok ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada semua pembaca.

Encik Suhaili bin Aleh
Pengarah
Politeknik METrO Betong Sarawak



DARI MEJA REDAKSI

Terima Kasih kerana telah memberi peluang kepada kami untuk menerbitkan Suara sadok Edisi Ke-3 Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) dalam bentuk digital. Teknologi sedia ada yang semakin maju telah mengizinkan buletin kali ini dapat dikongsikan dengan lebih cepat dan lebih mesra alam. Di samping itu, pembaca dapat menikmati buletin ini dalam resolusi yang sangat tinggi dan gambar yang lebih jelas dibandingkan dengan buletin yang telah dicetak.

Ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik mempunyai kemahiran sendiri dari aspek reka bentuk grafik, fotografi dan penulisan kreatif.

Penulisan kali ini merangkumi aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh institusi pada setengah tahun yang pertama bagi tahun 2022. Hasil penulisan digarap dari aktiviti-aktiviti yang telah diadakan pada Januari sehingga Jun tahun ini. Justeru, penerbitan Suara Sadok ini adalah bertujuan untuk menghimpun pencapaian, penglibatan serta kolaborasi yang dijalankan oleh warga PMBS.

Akhir kata, semoga Suara Sadok ini boleh menjadi contoh pada terbitan buletin yang akan datang dan seterusnya mencetuskan idea yang lebih kreatif kepada penulis-penulis dan editor-editor yang lain.

Kami juga turut mengalu-alukan pandangan dan cadangan yang boleh dijadikan sumber penambahbaikan serta rujukan berguna bagi penerbitan E-Buletin ini di masa hadapan.

Sekian, Terima Kasih.



**Encik Suhaili bin Aleh
PENAUNG**



**Puan Siti Syuhaila binti Zahari
PENASIHAT**



**Puan Clarina anak Rehat
EDITOR 1**



**Encik Budi bin Syaripuddin
EDITOR 2**



**Puan Aren Lah Kebing
REKA SENI GRAFIK**



**Puan Evelyn anak Frankling
Tegik
TERBITAN & EDARAN**

Bukit Sadok - Permata Tersembunyi Betong : Dari Lensa PMBS

Bukit Sadok - Permata Berega Betong : Ari Mata PMBS

Pendakian yang makan masa berjam-jam terasa berbaloi apabila angin yang dingin menyapa pipi. Walaupun waktu tengahari, kesejukannya masih terasa. Begitu besar ganjarannya apabila kita menghayati kecantikan alam sekitar dan sungguh indah ciptaan Tuhan.

Pengulih Bukit Sadok diangkat nyadi produk dagang temuai Sarawak chukup besai. Ia mega madah Bukit Sadok tau nyadi sebagai ari palan pematak temuai ba bagi Menua Betong ulih meri penguntung besai ngagai peranak ditu sereta pemain industri bekaul bucai.

Fakta Menarik Bukit Sadok

Peninggi : 830m

Kubu pertahanan pahlawan Iban, Rentap

Bemacham bansa kayu enggau babas baka raflessia

Agi Idup, Agi Ngelaban

Saya telah berpeluang berkhemah di puncak Bukit Sadok ketika menjadi pengiring ekspedisi pelajar ke sana, dan kawasan tempat mereka berkhemah itu dikelilingi pokok-pokok besar yang menjadi habitat kepada banyak jenis burung dan kicauan burung di waktu malam amat mendamaikan.

Semasa pendakian, aspek keselamatan amat dititikberatkan. Namun, pihak rumah Jambu Kerapa yang diketuai oleh TR Joseph Sanda, telah mengambil inisiatif untuk menyediakan khidmat pemandu pendakian, khidmat membawa barang dan khidmat mengangkut para peserta yang cedera, sekiranya perlu. Oleh itu, saya berpendapat bahawa kumpulan ini perlu dipertimbangkan untuk diberi kursus atau persijilan yang berkaitan supaya khidmat mereka dapat dipanjangkan untuk aktiviti-aktiviti pelancongan, khususnya di Bukit Sadok.

"Aku bepeluang berkhemah ba tuchung Bukit Sadok maya nyadi pengiring nembiaik. Palan alai endur kami bekhemah nya dikelingi enggau pemanah rampa menua ari utai tumbuh enggau utai idup, nyengkaum bemacham bansa kayu sereta babas baka raflessia, antara bucai. Lebu betikika Bukit Sadok, segi pengelikin amat dikemeratka. Bala ari Rumah Jambu Kerampak ti diketuai TR Joseph Sanda mayuh mantu kami ari segi mantau menua, ngangkut barang sereta ngemataka pengelikin bala kami. Nya alai, aku ngarapka kumpulan tu diberi kursus tauka setipikit ti bekaul,"ku iya.

Terjemahan Bahasa Iban oleh

Puan Evelyn Frankling Tegik dan Cik Faustina Atong

Encik Muhd Hanif bin Hassan,
Pensyarah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
Muhd Hanif bin Hassan,
Pengelicha Politeknik METRo Betong Sarawak (PMBS)



Bukit Sadok - Permata Tersembunyi Betong : Dari Lensa PMBS

Bukit Sadok - Permata Berega Betong : Ari Mata PMBS

Saya berpeluang menjadi peserta Ekspedisi Bukit Sadok yang diadakan pada Mei yang lalu. Bukit Sadok ini bukan sahaja kaya dengan sejarah, tetapi keindahan sekelilingnya mampu memukau mata yang memandang dan mendamaikan hati walaupun banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi untuk sampai ke puncak. Bukit Sadok yang pernah menjadi Kubu Panglima Rentap dahulu mempunyai banyak sejarah lama yang patut dipelihara dan keunikan kawasan sekelilingnya dapat dilihat dari puncak bukit. Namun, mungkin pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan serta penduduk setempat boleh mempertimbang untuk membina laluan trek pendakian yang baik untuk keselamatan para pendaki serta untuk kegunaan aktiviti-aktiviti lain di Bukit Sadok pada masa hadapan.

Pensyarah Jabatan Perdagangan,
Puan Nurul Aniqah binti Ahmad Zaidi
*Pengelicha Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS),
Nurul Aniqah binti Ahmad Zaidi.*



*Aku diberi peluang ngambi bagi
enggau nujah Bukit Sadok kena
bulan Lima tu tadi. Bukit Sadok ukai
semina kaya enggau sejarah tang
mega pemanah rampa
menua "Kebuah pia laban Bukit
Sadok ti nyadi Kubu Panglima
Rentap suba ngembuan mayuh
jerita lama ti mengkan diintu
enggau meruan sereta pemanah
rampa menua ulih ditimpai ari
tuchung bukit tau ngasuh ati
lantang," terang iya.
Tambah mega, sida penguasa
tempatan begulai ngau agensi
perintah bukai sereta peranak ditu
tau merambu penemu ngaga jalai
"trek" ti likun engggau manah kena
pengawa nujah Bukit Sadok jemah
ila.*

**Terjemahan Bahasa Iban oleh
Puan Evelyn Frankling Tegik dan Cik Faustina Atong**



Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas telah mengumumkan Replika Kubu Rentap akan dibina di Bukit Sadok dan ia dilihat sebagai salah satu produk pelancongan yang dapat menjadi tarikan di kawasan betong khususnya (Izzdin, 2022 ; Suara Sarawak, 2022).

SESI 'MOCK INTERVIEW' | 5 JANUARI 2022

Satu sesi *Mock Interview* telah diadakan di Politeknik METrO Betong Sarawak yang telah melibatkan semua pelajar semester akhir Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan & Perbankan bersama panel jemputan dari industri, iaitu Encik Nikk Adam bin Abdilllah Kipalli, Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan & Komuniti SEDC, dan Pengurus Besar Khaimal Travel & Tours Borneo, Encik Mohamad Fikri bin Zainol Majid.

Mock Interview ini dianjurkan oleh Unit Pengajian Am (Bahasa Inggeris) diketuai oleh Encik Gregory Evan anak Nanson dan dibantu oleh Encik Qastari Syamim bin Abdullah. Sesi ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada semua pelajar untuk merasai sendiri pengalaman ditemubual oleh pemain industri. Di samping itu juga, satu sesi perkongsian ringkas dan refleksi juga telah diadakan dimana pihak industri memberikan nasihat dan petua untuk berjaya dalam situasi sebenar pada masa akan datang.



PAMERAN INOVASI DAN KREATIVITI KELAB BAHASA INGGERIS | 6 JANUARI 2022

Pameran Inovasi dan Kreativiti Kelab Bahasa Inggeris telah diadakan di Sri METro Gemilang, Politeknik METro Betong Sarawak. Pameran ini telah melibatkan pelajar semester 2 dan 3 Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan & Perbankan.



Pameran yang dianjurkan oleh Unit Pengajian Am (Bahasa Inggeris) telah diketuai oleh Encik Qastari Syamim dan dibantu oleh Encik Gregory Evan anak Nanson ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk berkongsi idea produk di samping mempraktikkan kemahiran mempromosi dan membentangkan produk dalam Bahasa Inggeris. Kemahiran ini adalah amat penting untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam komunikasi serta mengaplikasi kemahiran pemikiran kritis melalui pembentangan produk.



Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada panel penilai iaitu Encik Fattah Hamden, Encik Syukri dan Puan Clarina Rehat atas penglibatan dalam membuat penilaian pelajar.



Antara hasil kerja tangan para pelajar PMBS yang terlibat

MAJLIS APRESIASI PELAJAR SEMESTER 5 | 7 JANUARI 2022

Satu Majlis Apresiasi Pelajar yang dikelola oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik METrO Betong Sarawak telah diadakan di Sri METrO Gemilang. Majlis ini diadakan bagi meraikan 57 orang pelajar Semester 5 jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan yang bakal menghadiri Latihan Industri kelak.

Majlis ringkas tetapi gilang-gemilang ini dihadiri oleh Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh, Timbalan Pengarah, Encik Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini, Ketua Jabatan Akademik, Puan Saptuyah binti Marjiri, dan Ketua Jabatan Sokongan Akademik, Puan Siti Syuhaila binti Zahari. Para pensyarah juga turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut.



Walaupun pelaksanaan majlis dilaksanakan secara sederhana bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan, namun majlis tetap berlangsung dengan meriah. Majlis turut menghargai barisan pelajar yang telah banyak menyumbang serta berjaya mengharumkan nama PMBS.

Semoga segala ilmu yang telah dipelajari dan pengalaman yang ditimba di PMBS dijadikan sebagai bekalan dalam kehidupan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya.



PROGRAM 'SALES INTERNSHIP' 2022 | 12 JANUARI 2022



Sesi temu duga bagi program 'Sales Internship 2022' bersama pihak Maybank bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang di perpustakaan Politeknik METrO Betong Sarawak pada 12 Januari 2022.

Sesi yang melibatkan 14 orang pelajar Semester 5 Diploma Kewangan dan Perbankan ini diadakan secara dalam talian.

Seramai 7 orang pelajar PMBS telah berjaya terpilih dan ditempatkan di serata cawangan Maybank seluruh negara untuk melaksanakan latihan industri selama 14 minggu.



GEETHA A/P VIJAYAN
(MAYBANK PUCHONG JAYA)



NUR AMIRA BINTI MOHD. HAIRUL
(MAYBANK KUDAT)



**NUR SYAFIQAH
AMANI BINTI ABRI**
(MAYBANK
TAWAU BRANCH)



**MOHAMAD DANIAL
IKWAN BIN MOHAR**
(MAYBANK
WISMA GENTING)



EVY LISA JANGGOK
(MAYBANK
MIRI BRANCH)



**GERI ZEN
ANAK BILONG**
(MAYBANK
MEDAN JAYA BRANCH)



**SITI IZZAH INSYIRAH
BINTI ASARI**
(MAYBANK KULAI BRANCH)


TAKLIMAT 2 LATIHAN INDUSTRI SESI II 2021/2022 | 18 JANUARI 2022

Seramai 57 orang pelajar Semester 5 dari jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan dan Diploma Pengurusan Pelancongan yang bakal menjalani latihan industri selama 20 minggu bermula 7 Mac sehingga 22 Julai 2022 telah mengikuti taklimat 2 latihan industri ini.

Taklimat wajib yang telah disampaikan oleh Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI), Puan Hanini binti Marzuki ini telah menyentuh beberapa perkara berkenaan kelayakan pelajar menjalani latihan industri, tempoh latihan industri, dokumen-dokumen yang berkaitan semasa melapor diri dan selepas tamat latihan industri, etika dan peraturan semasa dan selepas latihan industri, tindakan disiplin dan tatatertib, penyeliaan, pemantauan serta kriteria pemantauan latihan industri serta panduan penulisan jurnal refleksi dan laporan akhir pelajar.

Selamat maju jaya diucapkan kepada semua pelajar dan semoga ilmu dan pengalaman yang bakal ditimba ini dapat membentuk personaliti pelajar dan sekaligus memperkembangkan kemahiran berkomunikasi secara berkesan.

Selain itu, latihan industri adalah salah satu kaedah yang dijalankan untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai daya saing dan inovatif dalam kerjaya serta dapat mempraktikkan ilmu yang diperolehi sepanjang berada di pusat pengajian.



MESYUARAT HAL EHWAL PELAJAR PMBS BIL. 1 /2022 | 19 JANUARI 2022

Mesyuarat yang diketuai oleh Puan Winne Anak Chengai, Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar Politeknik METrO Betong Betong Sarawak telah diadakan di Bilik Mesyuarat 2. Turut hadir adalah Pegawai Promosi, Pegawai Data, Pegawai Disiplin, Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta Pegawai Yayasan Sukarelawan Siswa Politeknik (YES).

Mesyuarat ini secara ringkasnya membincangkan secara khusus persediaan Minggu Transformasi Pelajar (MTS), pendaftaran pelajar baharu, aktiviti promosi dan *outreach*, aktiviti sukarelawan YES serta menekankan isu kebajikan, disiplin dan keselamatan pelajar.



KURSUS ASAS PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM (PISPA) POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) SIRI 1/2022 | 22-23 JANUARI 2022

Penubuhan PISPA PMBS pada 13 April 2021 adalah sebagai satu landasan untuk melahirkan anggota berkepimpinan tinggi dan professional di dalam Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. PISPA PMBS merupakan satu kursus di bawah Unit Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum yang diwajibkan kepada semua pelajar semester 1 di PMBS.

Seramai 50 orang Kadet PISPA yang terdiri daripada 15 orang kadet lelaki dan 35 orang kadet perempuan telah mengikuti kursus Asas Siri 1/2022 yang telah dianjurkan selama 2 hari dengan jayanya. PMBS juga cukup bertuah kerana telah menerima kunjungan dari Timbalan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri Sarawak, Yang Mulia Leftenan Kolonel Raja Muhammad Alhakim bin Raja Jaafar @ Raja Yaakub yang turut menyempurnakan penangguhan kursus asas ini pada hari ahad yang lepas. Semoga PISPA PMBS terus maju dan kadet menggunakan ilmu yang dikongsi sebaik mungkin demi kebaikan bersama.



Sumber : Suara Sarawak bertarikh 25 Januari 2022



HARI PERTAMA MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) SESI II 2021/2022 | 28 FEBRUARI 2022



MTS Sesi II 2021/2022 telah membudayakan perpaduan serta keharmonian pelbagai bangsa di Politeknik METro Betong Sarawak (PMBS). Sesi pendaftaran pelajar baharu telah berlangsung seawal jam 8.30 pagi. Setiap pelajar baharu diwajibkan untuk membuat ujian RTK dan mengisi borang perakuan kesihatan pelajar sebelum membuat pendaftaran.



Taklimat bersama ibu bapa juga telah disampaikan oleh Encik Suhaili Bin Aleh, Pengarah PMBS di Sri METro Gemilang. Antara intipati taklimat bersama ibu bapa ialah berkenaan pengenalan PMBS dan juga kejayaan yang telah dicapai oleh PMBS sebelum ini.

Terima kasih kepada semua jawatankuasa yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program MTS pada hari pertama ini. Jumpa esok bagi sesi MTS yang seterusnya. Terus patuhi SOP dan jaga keselamatan diri.



HARI KEDUA MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) SESI II 2021/2022 | 1 MAC 2022

Antara perkongsian yang telah diadakan pada hari ke-2 adalah sesi Pengenalan PMBS, taklimat Peperiksaan, taklimat Latihan Industri dan E-Learning, taklimat Perpustakaan, taklimat Keusahawanan dan taklimat Agensi Dadah Kebangsaan (AADK).



HARI KETIGA MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) SESI II 2021/2022 | 2 MAC 2022

Antara sesi taklimat yang disampaikan pada hari ke-3 pula adalah seperti Taklimat Akreditasi Program & Kualiti, Taklimat Disiplin, Biasiswa, Taklimat Ketua Jabatan, Taklimat Ketua Program, Taklimat Kokurikulum / Kelab Kebudayaan dan Taklimat daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Aktiviti Latihan Dalam Kumpulan juga telah diadakan bagi meningkatkan kemahiran komunikasi antara pelajar baharu.





Sesi Latihan dalam Kumpulan (LDK) telah dikendalikan oleh Majlis Perwakilan pelajar bagi menanam sifat kepimpinan dan mengembangkan potensi dalam diri pelajar.

HARI KEEMPAT MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) SESI II 2021/2022 | 3 MAC 2022

Pada hari ke-4 Minggu Transformasi Siswa PMBS, para pelajar baharu telah menghadirkan diri bagi talimat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pilihanraya, Taklimat Koperasi, Taklimat Penasihat Akademik dan Taklimat Psikologi. MTS ini juga telah mengadakan perjumpaan bersama Penasihat Akademik bagi membangunkan personaliti unggul pelajar ke arah mencapai kecemerlangan akademik, kemahiran generik dan kesediaan sendiri dalam kerjaya.

Semoga taklimat-taklimat yang dihadiri ini dapat membantu dan dimanfaatkan oleh para pelajar sepanjang sesi pengajian di Politeknik METrO Betong Sarawak.



MAJLIS PENUTUPAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) SESI II 2021/2022 | 4 MAC 2022

Majlis penutupan Minggu Transformasi Siswa Sesi II 2021/2022 ini telah disempurnakan oleh Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh. Turut hadir bersama adalah pengurusan tertinggi dan staf akademik bagi memeriahkan lagi majlis penutupan pada pagi ini.

Bacaan ikrar pelajar telah diketuai oleh saudara Jeromebl Hollynez Jolly Lai, bacaan doa oleh saudara Izz Hazim Bin Bollkiah dan ucapan wakil pelajar baharu oleh Mathew Mieng Urang.

Terima kasih dan selamat datang diucapkan kepada semua pelajar baharu kerana memilih Politeknik METRo Betong Sarawak ini sebagai tempat untuk anda meneruskan pengajian ke arah kejayaan.



**MAJLIS PENUTUPAN
MINGGU TRANSFORMASI SISWA
SESI II: 2021/2022**

JUMAAT MAC JAM 9.00 PAGI
2022 04 2022

Tempat: Sri METRo Gemilang PMBS



PELAJAR POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK LAPOR DIRI BAGI LATIHAN INDUSTRI | 7 MAC 2022

Pelajar semester Sesi II 2021/2022 telah melapor diri untuk latihan industri pada 7 Mac 2022. Dalam dunia hari ini, para graduan perlu mempunyai kompetensi dan kemahiran pekerjaan untuk mereka berdaya saing di pasaran pekerjaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan industri yang sudi menerima para pelajar PMBS serta memberi tunjuk ajar kepada mereka, iaitu:

- Maybank (Kudat, Tawau, Wisma Genting, Puchong, Bintulu, Miri dan Kulai)
- Amanah Saham Nasional Berhad (Sibu, Bintulu & Miri)
- New Heart Network Sdn. Bhd. (Kuching)
- Sarawak Energy Berhad (Miri)
- Tabung Baitulamal Sarawak (Sarikei)
- Pejabat Pendidikan Daerah dan Bahagian (Miri dan Sri Aman)
- Al-Fateh Worldwide Travel & Tours Sdn Bhd (Kuching)
- Majlis Perbandaran Kota Samarahan
- Borneo Happy Farm Sdn. Bhd.
- Az Safir Travel & Tours Sdn. Bhd.
- Sarawak Tourism Board
- Khaimal Travel And Tours (Borneo) Sdn. Bhd.
- Serapi Hotel
- Akademi Aquaputra Malaysia
- Gopeng Glamping Park
- Malaysia Convention & Exhibition Bureau



TAKLIMAT PTPTN DAN SSPN DI SRI METRO GEMILANG POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 8 Mac 2022

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN berfungsi untuk menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan mengutip bayaran balik pinjaman. Di samping itu, PTPTN juga menyediakan skim simpanan dan mengurus deposit untuk tujuan pendidikan tinggi dan melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis (Laman Sesawang Rasmi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, 2022).

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Pengurus Cawangan PTPTN Sibu, Puan Nurulhuda binti Abdul Wahid dan pegawainya, Encik Albert Jimbat di atas kesudian meluangkan masa untuk memberi informasi berkenaan SSPN kepada warga PMBS serta pinjaman PTPTN kepada pelajar semester 1 Sesi II 2021/2022.



LATIHAN AMALI MARINE RECREATIONAL TOURISM

| 24-27 MAC 2022

Pada 24 - 27 Mac 2022 yang lalu, seramai 24 orang pelajar bersama 3 orang pensyarah telah mengadakan program latihan amali Marine Recreational Tourism di Kem Alapong, Lundu. Program 4 hari 3 malam ini merupakan satu keperluan dalam silibus yang perlu dilaksanakan oleh para pelajar yang mengambil kursus DTO30064 Marine Recreational Tourism.

Kursus ini merupakan salah satu kursus yang memberikan pendedahan teori dan amali kepada para pelajar yang mengikuti program Diploma Pengurusan Pelancongan. Aktiviti ini diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari teknik-teknik yang betul dalam mengendalikan kayak disamping mempelajari aktiviti lain seperti teknik asas berenang, water confidence, water rescue, dan survival technique.

Selain itu, pelajar turut mempelajari teknik memancing yang merupakan bagi memenuhi keperluan silibus kursus DTO30064 berkenaan.

Pendedahan ini diharapkan dapat memberi ilmu tambahan kepada pelajar yang bakal menjejakkan kaki ke alam pekerjaan.



TAKLIMAT LATIHAN INDUSTRI | 29 MAC 2022

Unit Perhubungan dan Latihan Industri telah mengadakan Taklimat Latihan Industri kepada semua pelajar Semester 5 Diploma Kewangan dan Perbankan dan Diploma Pengurusan Pelancongan. Taklimat yang diadakan di TECC ini telah disampaikan oleh Puan Emilyn Nojen dan dibantu oleh Cik Fazidah binti Sahadan dan Cik Affifah binti Bolhassan.

Taklimat ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai proses permohonan Latihan Industri, persiapan menghadapi alam pekerjaan serta pendaftaran bagi kursus DUT60019 Industrial Training.



PROGRAM AUDISI PANGGAU PERANGSANG KENYALANG VOL. 2 PMBS GOT TALENT

Program ini telah diadakan pada 8 April 2022 bertempat di bilik TECC dimana program ini merupakan anjuran pelajar-pelajar subjek DTM40134 Event Operation di bawah jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan sebagai salah satu daripada tugas penilaian kursus bagi semester ini.

Program ini diadakan bagi mencungkil bakat-bakat terpendam pelajar-pelajar PMBS di dalam apa jua bidang seni persembahan dan seni kreatif seperti tarian, nyanyian, permainan silap mata dan lain-lain.

Pentas akhir bagi program ini dijangka akan dijalankan pada 11 Jun 2022 bertempat di Sri METro Gemilang, PMBS.




SEMINAR MOTIVASI USAHAWAN: YAKIN MOTIVASI DIRI

| 13 APRIL 2022

Minda Positif Melahirkan Kejayaan Diri

Seramai 16 orang pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan dan 17 orang pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan dari Semester 2 telah menyertai Seminar Motivasi Usahawan: Yakin Potensi Diri secara atas talian.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Wong Seng Yue, pensyarah dari Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik (CiTrA) Universiti Malaya atas kesudian berkongsi ilmu dan pengalaman. Moga para pelajar mempunyai semangat yang tinggi dan bermotivasi dalam menceburi bidang keusahawanan.



PEMANTAUAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PMBS BAGI SESI II 2021/2022



Lawatan Pemantauan Pelajar Latihan Industri Politeknik METrO Betong Sarawak bagi Sesi II:2021/2022 telah diadakan pada 11,12 dan 14 Mei 2022 oleh Encik Ahmad Nazrin Bin Ab Aziz, pensyarah dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.

Seramai 13 orang pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan telah dipantau dan tahniah kepada semua atas prestasi baik yang diberikan. Jutaan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Malaysia Convention & Exhibition Bureau (Putrajaya), Gopeng Glamping Park (Perak) dan Akademi Aquaputra Malaysia (Selangor) atas kesudian menerima dan membimbing pelajar kami.

Semoga para pelajar akan terus memberi yang prestasi yang baik dan memanfaatkan ilmu dan pengalaman yang diberikan sepanjang latihan industri ini.



SESI TEMUDUGA PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR ANTARA POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS), UNIVERSITAS ISLAM INDONESIA (UII) DAN GUIMARASA STATE UNIVERSITY, PHILIPPINES (GSU) | 18 MEI 2022



Sesi temuduga pemilihan pelajar bagi program pertukaran pelajar di bawah program Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) telah berlangsung secara atas talian pada 18 Mei 2022.



Seramai 8 orang pelajar yang disenarai pendek telah di temu bual bagi melayakkan diri untuk mengikuti program ini di dua university terpilih, iaitu UII dan GSU.

Pelajar yang berjaya akan diumumkan dalam masa terdekat.

Sekali lagi selamat maju jaya kepada semua pelajar yang terpilih.

MAJLIS IFTAR KADET PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM (PISPA) POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 27 APRIL 2022

Majlis Berbuka Puasa anjuran kadet PISPA ini merupakan satu inisiatif dalam merapatkan ukhwah dan kerjasama yang sudah terjalin erat antara Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Betong dan PMBS sendiri.

Dalam majlis ini juga, kadet PISPA melahirkan rasa syukur dan setinggi-tinggi penghargaan kepada para jurulatih APM yang saban minggu berkongsi pengetahuan dan informasi yang berguna kepada para kadet.



LAWATAN PEMANTAUAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK SESI II 2021/2022 | 24-27 MEI 2022

Pemantauan bagi kod kursus DUT60019 Industrial Training telah melibatkan seramai 12 orang pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Politeknik METrO Betong Sarawak. Seramai 2 orang pensyarah telah ditugaskan bagi sesi pemantauan di sekitar Kuching kali ini iaitu Puan Emilyn Nojen dan Cik Fazidah binti Sahadan.

Lawatan industri ini bukan sahaja berjumpa dengan penyelia pelajar bagi mengetahui prestasi pelajar malah pensyarah juga membuat penilaian pembentangan pelajar terhadap tugas yang diberikan sepanjang latihan industri serta mengeratkan lagi dua hala antara pihak industri dengan PMBS.

Jutaan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Al- Fateh Travel & Tours Sdn. Bhd, Happy Borneo Farm, Sarawak Tourism Board, Khaimal Borneo Travel & Tours Sdn. Bhd serta Serapi Hotel atas kesudian memberi peluang dan tunjuk ajar sepanjang keberadaan pelajar di industri. Semoga usahasama ini berterusan.



LAWATAN PEMANTAUAN LATIHAN INDUSTRI BAGI PELAJAR DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN PMBS | 25-27 MEI 2022

Pada 25 hingga 27 Mei 2022 yang lepas, seramai 2 orang pensyarah dari Jabatan Perdagangan telah ditugaskan untuk memantau pelajar latihan industri bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan iaitu Puan Nurul Aniqah binti Ahmad Zaidi dan Cik Afifah binti Bolhassan.

Pemantauan ini telah melibatkan seramai 9 orang pelajar dimana pelajar perlu membuat pembentangan dan pensyarah pemantau juga menyemak laporan dan buku log pelajar. Antara tempat industri yang dilawat adalah New Heart Network Sdn. Bhd., Wisma Hartaniaga Sdn Bhd, Amanah Saham Nasional Berhad (Pejabat ASNB Kuching), Al-Fateh Worldwide Travel & Tours Sdn Bhd dan Majlis Perbandaran Kota Samarahan.

Pihak pengurusan PMBS amat berbesar hati dan berterima kasih atas kerjasama yang diberikan dalam memberi ruang dan peluang kepada pelajar kami.



SESI 'MOCK INTERVIEW' UNTUK PELAJAR TAHUN AKHIR POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) & GUIMARAS STATE UNIVERSITY | 7 JUN 2022

Unit Pengajian Am PMBS yang diketuai oleh Encik Gregory Evan anak Nanson dan Encik Muhamad Qastari Syamim telah berjaya menganjurkan temuduga olok-olok untuk pelajar semester 5 Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan PMBS.

Ini adalah selaras dengan keperluan sukatan pelajaran untuk subjek DUE50032, Communicative English 3. Sesi ini berguna sebagai persediaan kepada bakal graduan untuk menghadapi persekitaran tempat kerja sebenar dan mempraktikkan kemahiran temuduga adalah peluang terbaik untuk menyemai keyakinan dalam diri pelajar.

Bagi pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti dari Guimaras State University, Philippines pula, ini merupakan aktiviti wajib yang perlu disertai oleh 5 pelajar ini sebagai salah satu aktiviti di dalam program pertukaran pelajar antarabangsa di bawah Southeast Asian Ministers of Education Organisation (SEAMEO) TVET Exchange Programme.

Penghargaan ikhlas ditujukan kepada pakar-pakar industri, Encik Mohd Aizat bin Dollah, pegawai Penguatkuasa SEDC Wilayah Betong dan Encik Steward Lian, Pegawai Penguatkuasa dari Pejabat Buruh Sarawak, yang telah meluangkan masa untuk menjadi ahli panel temuduga ini.



TAKLIMAT LATIHAN INDUSTRI (LI) BAGI PELAJAR PMBS SESI I 2022/2023 | 10 JUN 2022

Sesi Taklimat (2) Latihan Industri bagi pelajar Sesi I 2022/2023 yang telah dianjurkan oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri PMBS (UPLI) telah diadakan pada 10 Jun 2022. Seramai 16 orang pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan dan 6 orang pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan bakal menjalani latihan industri pada 15 Ogos 2022 ini.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Cik Fazidah Binti Sahadan dan dibantu oleh Puan Emilyn Nojen dari UPLI.

Semoga dengan menghadiri taklimat ini, para pelajar dapat menjalani latihan industri dengan jayanya.



PEMENANG PROGRAM PANGGAU PERANSANG KENYALANG VOL. 2 POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 11 JUN 2022

Program “Panggung Peransang Kenyalang VOL. 2: PMBS Got Talent” merupakan sebuah program yang di kelolakan oleh pelajar-pelajar semester 4 bagi jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan. Program ini dianjurkan bagi memenuhi kriteria subjek Event Operation (DTM40134) di mana para pelajar tersebut dikehendaki menguruskan penganjuran sebuah program bagi memenuhi kriteria penilaian bagi subjek ini.



Program “Panggung Peransang Kenyalang Vol. 2: PMBS Got Talent” ini merupakan sebuah program kesinambungan daripada “Panggung Peransang Kenyalang Vol. 1: Video Contest” dimana program ini telah dianjurkan pada tahun lepas secara atas talian dan kali ini diadakan secara bersemuka di Sri METrO Gemilang, PMBS. Program ini merupakan sebuah program yang mencungkil bakat-bakat pelajar PMBS selain daripada akademik seperti nyanyian, tarian mahupun silap mata di mana program ini sejajar dengan objektif TVET iaitu melahirkan pelajar-pelajar yang bukan sahaja cemerlang di dalam bidang akademik tetapi juga bidang-bidang yang lain seperti tarian, nyanyian atau apa-apa bakat yang diketengahkan oleh para pelajar.

Tahniah diucapkan kepada pelajar-pelajar DUP 4A bagi program Pengurusan Pelancongan ini kerana dengan seramai 12 orang pelajar sahaja telah Berjaya menganjurkan program yang gilang gemilang ini. Para pelajar juga dibantu oleh pensyarah-pensyarah bagi subjek DTM40134 Event Operation and Management iaitu En. Amydisyukrie bin Md. Yusoff, Encik Mohd Afiq Fikri bin Mohd Japri, Puan Azlinda Binti Ahmad dan juga seorang tenaga pengajar dari Kolej Komuniti Betong iaitu Cik Arelene Sharon Anak Peter Adil.

Program yang dirasmikan oleh tuan pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh ini telah dimenangi oleh kumpulan Slick Sliders yang terdiri daripada pelajar-pelajar semester 3 program Diploma Pelancongan yang telah berjaya beroleh tempat ketiga, Pricilla Christine pelajar semester 2 bagi program Diploma Perbankan dan Kewangan berada di tempat kedua. Manakala juara telah dinobatkan kepada Anak Seni DUP2A iaitu para pelajar semester 2 bagi program Diploma Pelancongan. Terima kasih diucapkan kepada seluruh warga PMBS dan pelajar yang datang untuk memeriahkan lagi program ini.



MAJLIS APRESIASI PELAJAR SEMESTER 5 SESI II 2021/2022



Majlis yang dijalankan pada 14 Jun 2022 ini merupakan program yang dianjurkan oleh Jabatan Akademik PMBS dan dibantu oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PMBS bagi meraikan pelajar semester akhir bagi Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan & Perbankan yang bakal menamatkan pengajian mereka. Seramai 23 orang pelajar yang terdiri daripada kedua-dua program tersebut hadir.



Usaha dan kerja keras mereka turut diraikan dengan penyampaian anugerah kecemerlangan. Malah kecemerlangan mereka bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dinilai dari segi kepimpinan dan penglibatan aktif pelajar sehingga ke peringkat kebangsaan. 5 anugerah yang disampaikan kepada pelajar, antaranya Anugerah Kecemerlangan Akademik, Anugerah Kokurikulum, Anugerah Peribadi Unggul, Anugerah Kepimpinan dan Anugerah Siswa Cemerlang.

Majlis ini disempurnakan oleh Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh. Turut hadir, Timbalan Pengarah, Encik Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini, dan Ketua Jabatan Akademik, Puan Saptuyah binti Marjiri serta Ketua Jabatan Sokongan Akademik, Puan Siti Syuhaila binti Zahari.

LAWATAN TEKNIKAL DI PERBADANAN PUTRAJAYA, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN SIMULASI PEMANDU PELANCONG SEKITAR PUTRAJAYA DAN KUALA LUMPUR UNTUK PELAJAR KURSUS DTM30114

TOURIST GUIDING TECHNIQUES | 13 - 17 JUN 2022

Seramai 25 pelajar dan 4 pensyarah pengiring telah menjayakan lawatan sambil belajar berkaitan teknik pemanduan pelancong. Terima kasih diucapkan atas kerjasama pihak Perbadanan Putrajaya, khususnya TPr Puan Rozita Abd Razak, Puan Khairun Nadya Nikman, Puan Nor Nisha Mohd Idrus dan Encik Mirza Izaat Zulkefli di atas perkongsian berkenaan skop pemandu pelancong di Putrajaya.

Sekalung penghargaan juga buat Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar UPM yang sudi berkongsi ilmu interpretasi pemandu pelancong khususnya Prof. Dr Manohar Mariapan, Dr Mohd Hafizal Ismail dan Dr Shazali Johari.

Selain itu, Simulasi Teknik Pemandu Pelancong untuk subjek DTM30114 Tourist Guiding Techniques ini telah dijalankan disekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur dengan kerjasama Hop On Hop Off Kuala Lumpur bertujuan untuk melatih pelajar menjadi pemandu pelancong yang berkualiti juga memenuhi keperluan silibus yang telah ditetapkan.





PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT RUMAH KANAK-KANAK DATUK AJIBAH ABOL, SRI AMAN | 7 JANUARI 2022



ROMBONGAN PMBS Semester I mengaharai dengan Iton Roseta sebagai aktiviti khidmat masyarakat di Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol.

Pupuk semangat kesukarelawan

[OMAN RAZALI
sarasawaknews@gmail.com]

SIMPANGAP: Polisatmik MITO Batang Sarawak (PMBS) terus mengagalkan penuntunya untuk mendaki masyarakat, sekali gus menyumbang tenaga dalam aktiviti kesukarelawan. Pengarahnya Suhaili Aishah berkata, amat penting untuk mereka mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai suka serta semangat kesukarelawan di luar kampus.

"Aktiviti khidmat masyarakat di Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol yang melibatkan 12 penuntut semester satu Program Diploma Pengurusan Pelancongan seperti ini amat digalakkan. "In bag memajukan kesukarelawan mereka serta memupuk perasaan bertanggung jawab terhadap komuniti setempat, yang pasti gik membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai suka yang dipelajari.

"Dalam masa sama memajukan nilai kasih sayang di dalam diri penuntut serta menanamkan nilai kesukarelawan dalam melayan kerahai kanak-kanak di sini," katanya. Beliau berkata demikian sekali program seharian di Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol, baw-laru in. Jelasnya, program kesukarelawan ini juga diharap dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara, dalam masa sama melatihkan warganegara yang patik, prihatin dan bertanggungjawab terhadap orang sekeliling. Suhaili merakamkan sumbangan kepada penyalur, Abdul Fattah Hamden dan Mohamad Qastari Syamim Abdullah yang telah membimbing penuntut PMBS untuk mendaki masyarakat sekitar. Walaupun ia secara dasarnya untuk memenuhi keperluan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, tetapi dalam bentuk keratan, program ini turut memberi pendidikan kepada penuntut tentang kesempunan yang menggi kemahiran berkommunikasi antara pelajar dengan masyarakat. Ditahankan mengenai projek ini, Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol telah mendaki sumbangan daripada beberapa pihak seperti Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Serikei, Pusat Khidmat Ahli Parlimen Sibuti, Pusat Khidmat Adun Bekenu, Ti Linggu Ilan, Paku dan Ti Robert yang diwakili pengetua, Iton Roseta.

Sumber : Suara Sarawak bertarikh 12 Januari 2022



Seramai 17 orang pelajar Semester Satu Sesi I 2021/2022 bagi Program Diploma Pengurusan Pelancongan PMBS telah mengadakan projek menyalurkan sumbangan kepada anak-anak yatim. Program dibawah seliaan pensyarah, Encik Abdul Fattah bin Hamden dan Encik Mohamad Qastari Syamim bin Abdullah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus MPU21032 Penghayatan Etika dan Peradaban. Tujuan utama projek ini diadakan adalah untuk melatih kemahiran insaniah pelajar dalam organisasi serta menguruskan program.

Projek ini telah mendapat beberapa sumbangan daripada agensi luar dan diantaranya adalah Baitulmal Sarawak Cawangan Serikei, Pusat Khidmat Parlimen P.218 Sibuti, Pusat Khidmat DUN N.71 Bekenu, Tuai RH Linggu ak Jilan Pakut Bekenu Sibuti dan Rh Robert Jambatan Suai, Miri - Bintulu Road. Sumbangan ini telah diterima oleh Puan Iton Anak Roseta, Pengetua Rumah Kanak-kanak Datuk Ajibah Abol, Sri Aman.



PMBS HULUR SUMBANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN RH. ULU BAN, BETONG | 19 APRIL 2022

Pihak pengurusan Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) bersama wakil Yayasan Sukarelawan Pelajar (YES) dan Majlis Perwakilan Pelajar PMBS telah turun padang meninjau keluarga-keluarga yang terjejas dek kebakaran yang telah berlaku di Rh. Ulu Ban, Betong pada 12 April 2022 yang lalu. Kesemua mangsa telah ditempatkan di pusat pemindahan mangsa bencana di Dewan Panglima Rentap, Betong.

Sumbangan yang berupa pakaian dan wang ringgit kepada 7 keluarga dr Rh. Ulu Ban ini telah diserahkan oleh Pengarah PMBS Encik Suhaili bin Aleh kepada wakil pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat cawangan Betong, Puan Uwing anak Gimos.

Diharap dengan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu mangsa-mangsa terkesan dan pihak pengurusan PMBS mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja dan pelajar PMBS diatas sumbangan ini.



PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK, PENYERAHAN WANG ZAKAT DARI BANK RAKYAT DAN MAJLIS IFTAR PERDANA POLYCC | 19 APRIL 2022

Warga Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) dan Kolej Komuniti Betong (KKB) telah melaksanakan program memasak bubur lambuk dengan jayanya pada dua hari lepas. Program ini kemudiannya diteruskan dengan acara pengagihan bubur lambuk kepada semua warga PMBS termasuk pelajar dan warga KKB.

Penyerahan wang zakat pula dilaksanakan seurus selepas itu dan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bank Rakyat diatas sumbangan dan pegawai Bank Rakyat cawangan Betong, Puan Sh Noorfanizan binti Wan Mohd Arbi, Puan Jumaah binti Ibrahim serta Encik Zaidi bin Bujang kerana sudi meluangkan masa untuk sama-sama mengagihkan sumbangan tersebut kepada para pelajar PMBS dan juga meluangkan masa untuk berbuka puasa bersama warga kedua-dua institusi.

Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada ahli jawatankuasa program kerana telah bertungkus lumus melakukan persiapan majlis dan ianya telah berlangsung dengan lancar.



JUALAN KOPERASI PRIHATIN RAKYAT 2.0 | 27-28 MEI 2022

Pihak Koperasi PMBS Berhad telah menganjurkan jualan Koperasi Prihatin Rakyat 2.0 pada 27 dan 28 Mei 2022. Ini merupakan kali kedua jualan seumpama ini dilaksanakan setelah jualan pertama yang lalu telah mendapat sambutan yang sangat baik dari warga Betong.

Diskaun sebanyak 15% dikenakan ke atas barangan keperluan harian seperti beras, gula, telur Gred AA dan A, susu manis, serbuk pencucu, kicap, air berkarbonat dan banyak lagi keperluan lain.



JALINAN KOLABORASI PMBS BERSAMA SARAWAK FORESTRY CORPORATION (SFC) | 11 JANUARI 2022

Satu lawatan dan mesyuarat telah dilaksanakan bagi membincangkan kolaborasi di antara Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) dan Sarawak Forestry Corporation (SFC). Mesyuarat ini telah berlangsung di Bangunan SFC Kota Sentosa, Kuching tempoh hari.

Turut hadir adalah Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh, Pegawai Kolaborasi Unit CISEC, Encik Gregory Evan anak Nanson, dan diiringi oleh Pegawai Perantarabangsaan Unit CISEC, Encik Budi bin Syaripuddin.

Agenda utama mesyuarat ini adalah untuk membincangkan kerjasama yang bakal dilaksanakan oleh kedua-dua pihak menerusi pelbagai program yang memberi manfaat kepada pelajar khususnya. Selain itu, isu berkaitan perkembangan dan peningkatan kemahiran pelajar juga turut dikongsi dalam usaha melahirkan graduan yang holistik dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.



LAWATAN KERJA

BETONG DIGITAL INNOVATION HUB | 10 MAC 2022

PMBS telah menerima lawatan kerja daripada Betong Digital Innovation Hub (BDIH). Lawatan ini dihadiri sendiri Encik Malcolm Wu (Pengurus Strategik), Puan Amelia Lina (Eksekutif Operasi), dan Puan Gloria Anak Gelaw (Penolong Eksekutif Operasi).

Pengarah PMBS, Encik Suhaili Bin Aleh mengalu-alukan kedatangan Betong Digital Innovation Hub bagi membincangkan peranan BDIH kepada komuniti setempat khususnya kepada pelajar PMBS. Perjumpaan menerusi lawatan kerja oleh BDIH ini disambut sendiri oleh Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh, Encik Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini (Timbalan Pengarah), Encik Anderian Baling anak Piang, Encik Gregory Evan Anak Nanson, Encik Mohamad Shukri bin Muda, Puan Agnes anak Buda, Puan Liew Jan Fui dan Puan Emilyn anak Nojen.

Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai pengenalan PMBS, BDIH, peranan iCubes, penggunaan Google sebagai platform untuk keusahawanan dan inovasi, Facebook Blueprint dan aktiviti yang bakal dirancang bagi tahun 2022.




MESYUARAT PERBINCANGAN STRATEGI KOLABORASI ANTARA POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) DAN POLITEKNIK SAMBAS INDONESIA (POLTESA) | 1 APRIL 2022

Satu perbincangan Kolaborasi Strategi di antara PMBS dan POLTESA telah diadakan secara atas talian bagi membincangkan berkenaan strategi dan pelaksanaan program kerjasama dua institusi ini. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Encik Abdul Fattah bin Hamden (Ketua Unit Pengantarabangsaan), Cik Norazimah binti Mejri (Setiausaha Unit Pengantarabangsaan), Encik Budi bin Syaripuddin (Ko-ordinator Unit Pengantarabangsaan), Puan Clarina Anak Rehat (Ko-ordinator Unit Pengantarabangsaan) serta Encik Anderian Baling anak Piang (Ketua Unit CISEC).

Manakala POLTESA diwakili Puan Hikmah Trisnawati (Pensyarah Pengurusan Pelancongan dan Perniagaan), dan Encik Adiyono (Timbalan Pengarah POLTESA).

POLTESA menyambut baik usahasama yang bakal dijalankan ini serta komited untuk bersama-sama menjayakan program ini bagi memberi lebih banyak pendedahan kepada semua yang terlibat dan pelajar khususnya.




MESYUARAT KERJASAMA ANTARA PMBS BERSAMA GUIMARAS STATE UNIVERSITY, PHILLIPINES DAN UNIVERSITAS ISLAM INDONESIA | 18 & 25 APRIL 2022

Unit Pengantarabangsaan PMBS bersedia untuk menjalankan program pertukaran pelajar di bawah **Southeast Asian Ministers of Education Organization** (SEAMEO) TVET Exchange Programme. Program ini bakal dijalankan selama 1 bulan bermula Mei hingga Jun 2022.

Seramai 4 orang pelajar PMBS yang terpilih akan dihantar untuk menyertai program pertukaran pelajar secara virtual ini. 2 IPT terpilih daripada negara luar adalah Guimaras State University, Philippines bagi program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Universitas Islam Indonesia bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan.


Beberapa siri pertemuan secara virtual telah dilaksanakan bagi melancarkan program yang bakal dijalankan kelak. PMBS juga turut bakal menerima 4 orang pelajar daripada IPT tersebut bagi melengkapkan program pertukaran. Diharapkan program ini dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dan kedua-dua pihak beroleh hasil yang memberangsangkan dari kerjasama ini.



MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR ANTARA POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) DAN GUIMARAS STATE UNIVERSITY, PHILIPPINES (GSU) | 25 MEI 2022

Majlis perasmian pertukaran pelajar antara PMBS dan GSCP telah dijalankan secara maya sebentar tadi. Majlis dimulakan dengan sesi bacaan doa daripada Dr. Andrew D. Paguntalan, diikuti dengan ucapan daripada Presiden GSU, Dr. Lilian Diana B Parreno dan Pengarah PMBS sendiri iaitu En. Suhaili bin Aleh serta Timbalan Pengarah PMBS, Encik Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini. Diharap dengan adanya program pertukaran idea ini, ianya dapat memberi nilai tambah kepada pelajar yang terlibat.






MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR ANTARA POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) DAN UNIVERSITAS ISLAM INDONESIA (UII) | 7 JUN 2022

Majlis perasmian pertukaran pelajar antara PMBS dan UII telah dijalankan secara maya. Kedua-dua institusi bersetuju untuk menghantar pelajar bagi program pertukaran ini.

Majlis dimulakan dengan sesi bacaan doa daripada Ustaz Muhammad Firdaus bin Mohd Ramlee, diikuti dengan ucapan selamat datang daripada Timbalan Pengarah PMBS (Encik Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini) beserta dengan ucapan penutupan daripada Ketua Jabatan Akademik PMBS (Puan Saptuyah binti Marjiri). Diharap, dengan adanya program pertukaran idea ini dapat memberi nilai tambah kepada pelajar ke peringkat global.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI (IAC) POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 9 JUN 2022

Semalam telah berlangsung satu sesi mesyuarat pihak PMBS bersama Timbalan Premier Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah di Pullman Kuching, Sarawak dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.36 Yang Berhormat Dato' Gerald Rentap Jabu. Turut dijemput adalah Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Tourism Board, Puan Sharzede Datu Salleh Askor.

Mesyuarat IAC PMBS ini diadakan untuk membincangkan beberapa perkara berhubung pendaftaran, penyemakan kurikulum, serta mengumpul idea untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar PMBS dalam pasaran kerja bersama pakar-pakar industri yang telah dilantik oleh pihak institusi.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ahli-ahli IAC seperti wakil dari SEDC, Pengarah Urusan Sara Resorts Sdn Bhd, Encik Mark Ferguson, Pengurus Besar Kampung Budaya Sarawak, Puan Jane Lian Labang, Pengarah Urusan Khaimal Travel & Tours, Encik Mohd Fikri Bin Zainol Majid serta wakil BSN, Encik Awang Horolni bin Awang Putit.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan sesi mesyuarat ini.



PENCAPAIAN CEMERLANG PMBS UNTUK KPI KESELURUHAN TAHUN 2021

PMBS catat KPI cemerlang pada tahun 2021: Pengarah

BETONG: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) merupakan pengukur kejayaan untuk setiap agenda yang telah direncanakan oleh institusi tersebut.

Pengarahnya Suhaili Aleh berkata, PMBS telah menunjukkan pencapaian cemerlang pada tahun 2021 apabila peratusan keseluruhan mencatat 100 peratus berbanding 99.89 peratus pada tahun 2020.

"Ini sukar untuk dicapai sekiranya tiada kerjasama yang jitu dalam kalangan warga PMBS."

"Justeru, saya amat menghargai jasa kesemua pegawai yang terlibat dan bertanggungjawab untuk memastikan setiap item di dalam KPI tercapai."

"Pada masa sama, saya amat bangga dengan pencapaian pelajar atas penglibatan aktif mereka dalam setiap penganjurannya aktiviti di institusi," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas berhubung KPI PMBS bagi tahun 2021 di institusi berkenaan kelmarin.

Suhaili berkata, pencapaian itu dapat mengangkat martabat pendidikan politeknik untuk menjadi pilihan pelajar bagi meneruskan pendidikan tertier masing-masing sebelum melangkah ke peringkat yang lebih tinggi.

"Di samping itu, ia dapat memperkasakan hala tuju PMBS selari dengan agenda pendidikan yang digariskan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)."

Sementara itu, Timbalannya Mohd Shahril Ahmad Zaini berpendapat, kepri-



SUHAILI



SHAHRI

hatinan dan dedikasi tinggi dalam kalangan warga PMBS menjadi faktor kejayaan pencapaian KPI pada tahun 2021.

"Setiap pegawai menjalankan amanah mereka dengan baik dan hasilnya dapat dilihat melalui pencapaian keseluruhan institusi seperti yang telah diumumkan baru-baru ini."

"Selain itu, saya juga menyarankan para pensyarah PMBS untuk terus bergiat aktif dalam aspek penyelidikan dan penerbitan dalam bidang masing-masing."

"Pada masa sama, jaringan kolaboratif penyelidikan bersama dalam bidang berbeza dapat dimanfaatkan agar dapat penyelidikan tersebut mampu menyumbang dan memberi manfaat kepada industri-industri yang berkaitan," ujarnya.

Sementara itu, Suhaili berkata, PMBS akan memperkembangkan ilmu keusahawanan dalam kalangan pelajar pada tahun ini.

"PMBS pada tahun ini akan

menggerakkan pendekatan ke arah perkembangan ilmu keusahawanan dalam kalangan graduan."

"Kita melihat kesepakatan dan kerjasama rakan strategik industri mempunyai aspirasi untuk melahirkan lebih ramai usahawan berdaftar dari kalangan alumni politeknik."

"Di samping itu, kerjasama ini juga bakal digerakkan ke satu skala yang lebih besar, di mana PMBS dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) melalui projek inkubator organisasi berhasrat untuk membantu meningkatkan lagi bilangan usahawan dari kalangan komuniti setempat," katanya.

Selain itu katanya, PMBS menyambut baik usaha rakan-rakan industri dalam meningkatkan kemampanan pelancongan lestari.

"Pelbagai perancangan dan aktiviti telah diatur bersama pihak Sarawak Forestry Corporation (SFC) bagi merealisasikan usaha sama ini," ujarnya.



Sumber: Suara Sarawak 19 Januari 2022



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

Syabas & Tahniah

100% KPI 2021

Atas Kejayaan

PENCAPAIAN CEMERLANG KPI KESELURUHAN TAHUN 2021

Ikhlas Daripada,

Encik Suhaili Bin Aleh

Pengarah Politeknik METRO Betong Sarawak

<https://www.pmbs.edu.my/v3/>
 Politeknik METRO Betong Sarawak

[politeknikmetrobetongsarawak](https://www.instagram.com/politeknikmetrobetongsarawak)
 PolyMETRO Betong Sarawak

083-472676

Sumber: Utusan Borneo 20 Januari 2022

Tahniah dan syabas kepada seluruh warga Politeknik METRO Betong Sarawak atas kejayaan mencapai 100% KPI keseluruhan bagi tahun 2021!

VIDEO PROMOSI BETONG- THE UNSEEN HEART OF SARAWAK

Seiring dengan usaha kerajaan negeri untuk membangunkan sektor pelancongan Sarawak, Pasukan Petugas Pelancongan Bahagian (DTTG) Betong yang terdiri daripada pegawai dari Pejabat Residen Betong, Politeknik METrO Betong Sarawak dan Kolej Komuniti Betong telah menghasilkan satu video promosi yang menarik bertajuk "The Unseen Heart of Sarawak".

Video yang berdurasi 3 minit ini memaparkan budaya, pengembaraan, alam semula jadi, makanan dan perayaan masyarakat tempatan di daerah Betong. Video ini mempamerkan daerah kecil Betong seperti Spaoh, Debak, Pusa, Maludam, Saratok, dan Kabong. Syabas dan tahniah di atas penghasilan video yang sungguh menarik ini.



Video ini boleh ditonton melalui pautan <https://fb.watch/etVHlm3W-h/>

eDola-X 2022

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menganjurkan pertandingan eDOLA X, 2022. Penganjuran eDOLA bertujuan merealisasikan agenda pembelajaran digital yang memberi penekanan kepada aspek pedagogi dalam talian.

Justeru, Unit Instruksional dan Multimedia Politeknik METrO Betong Sarawak mengambil peluang ini untuk mempertandingkan satu video pembelajaran dan pengajaran (PdP) bagi kursus DUE50032 Communicative English 3 yang menegenahkan topik berkenaan pencarian pekerjaan serta cara mengendalikan temuduga dan diolah dengan cara yang dramatik. Video ini memberi penekanan kepada aspek pengenalan diri di dalam temuduga yang mampu membuatkan individu itu menyerlah semasa sesi temuduga dijalankan.



Video penuh dapat ditonton melalui pautan https://youtu.be/202_xuOnojc.



PMBS HANTAR WAKIL UNTUK KEJOHANAN RAGBI SARAWAK 7s

Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah menghantar wakil untuk Kejohanan Ragbi Sarawak 7s di Sibu pada 19 dan 20 Mac lalu. Kejohanan yang dianjurkan oleh Kesatuan Ragbi Bahagian Sibu ini diadakan di Padang Sukan Jalan Lada, Sibu selepas ia terpaksa ditangguhkan selama 2 tahun sebelum ini dek kerana penularan wabak Covid-19 dan Kuching merupakan destinasi terakhir bagi penutupan Kejohanan Ragbi Sarawak 7 Sebelah, yang mana Betong telah disenaraikan dalam destinasi jelajah kejohanan pada bulan Mei nanti.

Walaupun kemenangan bukan milik PMBS Hunter dan Huntress, dan memandangkan ini merupakan percubaan pertama kumpulan pelajar PMBS, pihak institusi sangat berbangga dengan semangat dan dedikasi yang ditunjukkan sepanjang latihan dilaksanakan sehinggalah ke hari kejohanan diadakan.



PERTANDINGAN BOLA KERANJANG 3 X 3 KATEGORI WANITA | 3 APRIL 2022

PMBS telah menghantar 2 pasukan bola keranjang 3x3 kategori wanita bagi program Malaysia Sport League di Peringkat Betong. Pasukan yang dinamakan PMBS Foxy dan PMBS The Wolf telah mendapat Naib Johan dan Tempat Ketiga dalam pertandingan tersebut. Tahniah diucapkan buat kedua-dua pasukan.



PMBS SPECTRE GIRLS FT RAIH TEMPAT KETIGA | 22 MEI 2022

Pertandingan Futsal Malaysia Sports League (MSL) 2022 bertempat di Kompleks Sukan Riveria, Debak menyaksikan 24 pasukan futsal lelaki dan 7 pasukan perempuan bersaing merebut kejuaraan untuk mewakili Bahagian Betong untuk Pertandingan Peringkat Negeri yang akan datang.

Politeknik METrO Betong Sarawak telah menghantar dua pasukan terdiri daripada pasukan lelaki dan perempuan. Pasukan lelaki kurang bernasib baik kerana terkandas di pusingan kedua pertandingan dalam perlawanan yang cukup sengit. Tuah menyebelahi pasukan perempuan dimana PMBS Spectre Girls FT telah berjaya merangkul kedudukan Ke-3 setelah berjaya mengharungi pusingan kumpulan sebagai juara kumpulan. Namun setelah berjuang mengikat pasukan lawan dengan jaringan 0-0 selepas tamat masa penuh pusingan separuh akhir dalam saingan yang penuh aksi serang menyerang dan mendebarkan, PMBS Spectre Girls FT terpaksa akur dengan keputusan sepakan penalti memihak kepada pasukan lawan.



Ini merupakan penampilan sulung PMBS Spectre Girls FT dalam kejohanan peringkat tinggi dan diharapkan mereka akan dapat terus berusaha untuk menaikkan nama PMBS dalam apa jua kejohanan yang akan mereka sertai di masa akan datang.

Setinggi penghargaan diberikan kepada barisan jurulatih taktikal dan teknikal, Encik Anderian Baling Anak Piang dan Encik Gregory Evan Anak Nanson, jurulatih kecergasan, Encik Gregory Anak Nelson Awai, dan Pengurus Pasukan, Encik Amydisyukrie Bin Md Yusoff dan Encik Khairul Azwan bin Padzil, yang telah banyak membimbing kedua-dua pasukan.



PELAJAR DAN ALUMNI AKTIF : SYABAS DAN TAHNIAH!

Syabas dan tahniah kepada kepada Nicklane Demong Wan Anak Layang, pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak yang sedang menjalani latihan industri di Al-Fateh Worldwide Travel & Tours Sdn Bhd kerana terpilih untuk terlibat dalam Pameran Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan malaysia (Matta Fair) yang telah diadakan pada 9 hingga 10 April 2022 di World Trade Center, Kuala Lumpur. Sekalung tahniah juga diucapkan kepada Afiq Syazani Hamizan Bin Ridhwan dan Edius Hanz Anak Edmond dari Khaimal Travel dan Tours turut terpilih menyertai Matta Fair 2022 ini kali ini.

Ketiga-tiga nama ini merupakan pelajar dan alumni Diploma Pengurusan Pelancongan di PMBS. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Al-Fateh Worldwide Travel & Tours Sdn Bhd dan Khaimal Travel & Tours kerana telah memberi peluang dan kepercayaan kepada pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak dalam meningkatkan lagi pengalaman dan kemahiran pelajar dalam industri pelancongan.





MESYUARAT KELAB KEBAJIKAN PMBS BIL.1/2022 | 19 JANUARI 2022

Mesyuarat Kelab Kebajikan Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) Bil.1/2022 telah dipengerusikan oleh Encik Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini dan dihadiri oleh ahli jawatankuasa baharu di Bilik Mesyuarat 2. Ahli Kelab Kebajikan dilantik berdasarkan undian majoriti yang telah dilaksanakan sebelum ini. Tahniah kepada yang terpilih dan pengerusi kelab amat berharap agar ahli jawatankuasa baharu yang dilantik ini dapat memberi sumbangan dan komitmen yang berterusan kepada kelab pada masa akan datang.



PERHIMPUNAN BULANAN POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK | 21 JANUARI 2022



Perhimpunan yang bertemakan perayaan Tahun Baru Cina ini telah dihadiri oleh kesemua warga PMBS dan ini merupakan perhimpunan yang pertama bagi tahun 2022.

Beberapa amanat telah disampaikan oleh Tuan Pengarah, Encik Suhaili bin Aleh. Antaranya adalah semangat bekerjasama di antara warga PMBS dalam mencapai KPI yang cemerlang untuk institusi. Di samping itu, beliau menegaskan kecekapan dalam penggunaan teknologi di dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dapat memastikan tugas disempurnakan dengan baik dalam tempoh masa yang diberikan. Perancangan amat penting di dalam kehidupan. Justeru, beliau menasihatkan agar semua warga PMBS bijak mengimbangi tugas hakiki dengan kehidupan seharian supaya work-life balance dapat dikecapi dan masa yang berkualiti dapat diluangkan bersama keluarga tercinta.

Dalam perhimpunan ini juga, Tuan Pengarah turut menyampaikan sijil penghargaan bagi anugerah pekerja contoh bulanan kepada Cik Jessica anak Jawa (Jabatan Perdagangan) dan Cik Faustina anak Atong (Jabatan Pentadbiran & Kewangan). Manakala anugerah pencapaian CIDOS diberikan kepada Cik Rohanisah binti Sahari, Cik Afifah binti Bolhassan dan Cik Farah Nadia binti Hasnu dari Jabatan Perdagangan serta Cik Aren Lah Kebing dan Encik Khairul Azwan bin Padzil dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.



PERHIMPUNAN BULANAN POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 14 FEBRUARI 2022



Perhimpunan kali ini begitu bermakna sekali kerana PMBS telah menerima kunjungan dari Yang Berusaha Ts. Haji Mohamad Amin bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Governan), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang telah berlangsung di Sri METrO Gemilang tengahari tadi. Turut serta dalam kunjungan ini adalah Ts. Abdul Razak bin Sabtu, Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan serta beberapa pegawai lain. Ts. Haji Mohamad Amin bin Hamat sekaligus meluangkan masa untuk menyampaikan amanat kepada seluruh warga PMBS dan Kolej Komuniti Betong.



Antara intipati ucapan beliau adalah agar kedua-dua institusi, iaitu PMBS dan Kolej Komuniti Betong beroleh sinergi untuk membangunkan Pendidikan TVET di Sarawak, dan Betong khususnya serta menggembelng tenaga untuk memberikan perkhidmatan pendidikan yang terbaik kepada para pelajar.




Dalam ucapannya juga, Yang Berusaha Ts. Haji Mohamad Amin bin Hamat turut menyentuh berkenaan pelaksanaan tadbir urus institusi, dimana pelaksanaan tadbir urus yang cekap dan lancar memerlukan komitmen dari semua pihak. Justeru, kejayaan institusi adalah kejayaan dari usaha semua warganya.

BETONG X-TRIVE RUN 5 KM SEMPENA PELANCARAN SARAWAK X-TIVE ANJURAN POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK BERSAMA KOLEJ KOMUNITI BETONG



Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak memfokuskan pelan strategi membudayakan sukan untuk kesejahteraan dan kesepaduan rakyat Sarawak yang selari dengan Visi Sport For All By 2030.

Justeru, bersempena pelancaran Sarawak X-TIVE diseluruh Sarawak, Kolej Komuniti Betong dengan kerjasama Politeknik METRO Betong Sarawak telah mengadakan Aktiviti X-TIVE Run (5KM).



Seramai 87 orang peserta dari sekitar Bandar Betong dan daerah yang berhampiran telah mendaftar untuk mengikuti acara ini. Kesemua peserta layak mendapat medal beserta Bip.

Namun, mengambil kira faktor kesihatan, acara ini hanya terbuka kepada individu yang telah lengkap dos Vaksinasi Covid-19 dan pelepasan dilaksanakan secara berkumpulan dan berperingkat dari jam seawal 6.40 pagi.

Setinggi-tinggi penghargaan turut diberikan kepada Angkatan Pertahanan Awam Daerah Betong, Polis Trafik Daerah Betong, serta Pejabat Residen Betong diatas kerjasama yang diberikan bagi memastikan kelancaran aktiviti yang dijalankan.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK BERHAD | 21 APRIL 2022

Koperasi PMBS Berhad mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-6 yang dijalankan dengan jayanya di Seri Metro Gemilang.

Mesyuarat tersebut di hadiri seramai 103 ahli koperasi yang terdiri dari kalangan kakitangan dan pelajar politeknik. Dan 56 orang lagi menghadiri secara atas talian.

Mesyuarat tersebut dirasmikan oleh Pengarah PMBS dan di pengerusikan oleh Cik Rohanisah Sahari, bersama 11 ahli lembaga koperasi. Di akhir mesyuarat tersebut, koperasi juga menawarkan cabutan bertuah kepada semua ahli koperasi. Turut hadir, wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia cawangan Sri Aman, Puan Bata Davis dan Encik Md. Norhadi Md Kipli yang bertindak sebagai pemerhati.

Maju Koperasi Untuk PMBS!



SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN SELFIE PAKAIAN TRADISIONAL DAN FILEM PENDEK SEMPENA PERAYAAN GAWAI PERINGKAT BAHAGIAN BETONG 2022 (15 MEI 2022)



Syabas dan tahniah diucapkan kepada pemenang bagi kedua-dua pertandingan. Berikut merupakan senarai penuh nama pemenang bagi setiap kategori pertandingan:

Pemenang Selfie Pakaian Tradisional:

Johan: Lieliana Lennie

Naib Johan: Kashwaria A/P Panjanathen

Tempat Ketiga: Imelda Anak Richard Fuchau

Saguhati: Roystern Anak Bidin, Dijah Anak Dugat, Jacquelyne Ekot, Patrick Ak Ganda, Joel Zacchaeus Anak Ebi

Pemenang Filem Pendek:

Johan: Saribas production (Tajuk: Ading Gawai)

Naib Johan: Joel Zacchaeus (Tajuk: Celebrate Gawai)

Tempat Ketiga: Christa Unyang Luke (Tajuk: Gawai Day)

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus untuk memastikan kelancaran program ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh diatas kesudian untuk meluangkan masa bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang yang bertuah ini.

PERTANDINGAN TARIK TALI SEMPENA PERAYAAN GAWAI BAHAGIAN BETONG 2022 (15 MEI 2022)



Politeknik METro Betong Sarawak (PMBS) telah menghantar wakil untuk mengambil bahagian di dalam pertandingan tarik tali anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Betong. Pertandingan yang diadakan pada hari ini telah disertai oleh ramai peserta dari pelbagai agensi dan persatuan sekitar bahagian Betong.

PMBS cukup teruja kerana telah mendapat JOHAN bagi kategori Wanita Terbuka. Syabas dan tahniah diucapkan kepada wakil PMBS dan kesemua peserta-peserta lain yang telah mengambil bahagian.



Politeknik METro Betong champion batak tali

BETONG: Tim ari Politeknik METro Betong (PMBS) udah mujur begelar champion ba pekit batak tali kategori orang indu beserimbal enggau Pengerami Mantar Gawai Dayak Bagi Menua Betong 2022.

Pemujur tim PMBS ba pekit batak tali tu, sida iya udah ngemai pulai perais mata duit RM400, trofi enggau hamper.

Bulih lumur dua iya nya tim ari Rawak Local ti mega ngemai pulai perais RM300, trofi enggau mega hamper.

Tim ke bulih lumur tiga pulai ngagai tim Tebilang Wanita ti bulih perais RM200 ti disempu-

langka enggau trofi sereta mega hamper.

Ungkup kategori lelaki, champion pulai ngagai Tim Trass Merah ti nerima perais mata duit RM400, trofi enggau hamper.

Ba lumur dua iya nya tim Felcra B ti bulih perais RM300, trofi enggau mega hamper sereta lumur tiga dipenggi Felcra A ti nerima perais RM200, trofi enggau hamper.

Perais ungkup pemenang pekit nya disuaka Sekretari Politik ngagai Premier Sarawak Dr Richard Ratu ensanus.

Sama bisi datai nyempulang Dr Richard nyuaka perais ngagai

pemenang iya nya Chairman Komiti Besai Pengerami Mantar Gawai Dayak tikas Bagi Menua Betong Ujai Sambau enggau Chairman Pengatur Pekit Batak Tali PBK I Henry Jugah.

Ba pekit batak tali tu tadi, bisi dipasuk tujuh bengkah tim ungkup kategori lelaki enggau orang indu ti diatur ba tengah laman Politeknik METro Betong.

Pekit batak tali tu diatur nengah kerejasama Balai Bomba enggau Penyah Penusah (BBP) Betong sereta Komiti Besai Pengerami Mantar Gawai Dayak menua Betong.



TABI PUJIL, Dr Richard Ratu nyuaka perais ngagai pemenang pekit batak tali


Sumber : Suara Sarawak bertarikh 18 Mei 2022

MAJLIS RAMAH TAMAH AIDILFITRI ANJURAN MAKSAK WANITA BAHAGIAN BETONG | 23 MEI 2022

PMBS telah dijemput untuk membuka gerai hidangan juadah raya sempena Majlis Ramah Tamah Aidilfitri Anjuran MAKSAK Wanita Bahagian Betong. Majlis telah berlangsung pada 23 Mei 2022 yang lalu di Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri Sarawak dan dirasmikan oleh YBhg. Encik Richard Michael Abunawas (Residen Bahagian Betong, merangkap Pengerusi MAKSAK Bahagian Betong).

Pada majlis berkenaan sebanyak 11 agensi kerajaan di Bahagian Betong yang terlibat dan telah menghias gerai masing-masing bertemakan hari raya. Setiap agensi termasuk PMBS telah membuka gerai serta menghidangkan pelbagai jenis juadah hari raya. Pelbagai acara yang dianjurkan sempena majlis ini seperti cabutan bertuah, persembahan karaoke dan pertandingan Gerai kreatif.

Terima kasih diucapkan kepada pihak MAKSAK Wanita Bahagian Betong diatas jemputan ini.



MAJLIS SAMBUTAN GAWAI RAYA PolyCC 2022 | 21 JUN 2022



Majlis sambutan Gawai Raya PolyCC 2022 anjuran Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) dengan kerjasama Kolej Komuniti Betong (KKB) telah dilaksanakan dengan jayanya. Majlis yang diadakan di Sri METRO Gemilang ini telah dirasmikan oleh Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh.

Sambutan yang penuh meriah ini disajikan dengan pelbagai hidangan lazat yang bertemakan Gawai Raya. Selain daripada itu, majlis ini juga turut diserikan dengan penyampaian anugerah seperti Anugerah Sukan PMBS, Anugerah Pekerja Contoh Bulanan, Anugerah Pekerja Cemerlang PMBS dan KKB 2021, Anugerah Inovasi PMBS dan Anugerah King & Queen. Sesi cabutan bertuah dan persembahan kebudayaan turut diadakan bagi memeriahkan lagi majlis Gawai Raya ini.

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada semua Jawatankuasa Majlis Sambutan Gawai Raya Polycc 2022 yang telah bersama menjayakan majlis ini.





SESI PEMBENTANGAN LAPORAN PENILAIAN PEMATUHAN AKREDITASI PENUH PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN (MQA/FA3873) | 1 APRIL 2022



Sesi pembentangan ini telah dilaksanakan oleh Cik Aren Lah Kebing selaku Penyelaras Akreditasi PMBS. Sesi ini dihadiri oleh kumpulan pengurusan tertinggi PMBS untuk sama-sama meneliti keputusan hasil audit MQA yang lepas dan memberi maklum balas terhadap dapatan audit tersebut.

Pembentangan ini merangkumi 7 bidang seperti Pembangunan dan Penyampaian Program, Penilaian Pembelajaran Pelajar, Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar, Staf Akademik, Sumber Pendidikan, Pengurusan Program serta Pemantauan, Semakan Program dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan.



MESYUARAT MAKLUM BALAS KURIKULUM BERSAMA DENGAN PENASIHAT INDUSTRI DAN ALUMNI POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 9 JUN 2022



Satu mesyuarat maklum balas kurikulum PMBS telah dijalankan di Pullman Kuching pada 9 Jun yang lalu. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penasihat industri yang telah dilantik oleh institusi, Encik Nik Adam Abdillah Kipali dan Encik Awang Horolni bin Awang Putit serta alumni PMBS, Encik Khairul bin Sapiee, Encik Lister anak Jiliam dan Encik Terry Baji anak Jesse kerana meluangkan masa untuk menghadiri sesi kali ini.


Mesyuarat ini penting dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas serta idea untuk penambahbaikan kurikulum yang digunapakai di dalam institusi supaya ianya selaras dengan kehendak semasa industri yang berkaitan.

Selain itu, PMBS juga menerima baik cadangan aktiviti-aktiviti yang memberi nilai tambah kepada kesemua pelajar. Tambahan lagi, sesi ini wajib dilaksanakan bagi memenuhi keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang mana semakan sukatan pelajaran perlu dilakukan selepas 5 tahun sesuatu program dilaksanakan.



WEBINAR "KEPENTINGAN KESIHATAN EMOSI" | 7 JANUARI 2022

Bagi mewujudkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan mental, Unit Pengajian Am dan pelajar Semester Satu (1) Diploma Kewangan & Perbankan Politeknik METrO Betong Sarawak telah menganjurkan program Live Webinar yang bertajuk "Kepentingan Kesihatan Emosi". Webinar ini telah disampaikan oleh Dr. Johnny Anak Pangkas, Pegawai Kesihatan Bahagian Betong dan En. Roy Anak Dilang, Pegawai Psikologi Pejabat Kesihatan Bahagian Betong. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar serta masyarakat berkaitan mental yang saban hari semakin membimbangkan. Di samping itu, program ini juga bertujuan memenuhi keperluan kursus MPU21032 Penghayatan Etika dan Peradaban dibawah seliaan pensyarah, Encik Abdul Fattah bin Hamden. Dalam masa yang sama, program ini melatih pelajar dalam menguruskan program serta kepimpinan dalam pengurusan organisasi.



BENGKEL TATACARA SISTEM e-PEROLEHAN | 14 JANUARI 2022



Bengkel e-Perolehan ini dilaksanakan untuk melatih staf akademik serta beberapa orang staf dari unit sokongan akademik yang terpilih mengenai tatacara mengisi perolehan bagi aktiviti anjuran institusi PMBS sendiri. Bengkel ini juga bertujuan untuk membantu institusi mengurus aspek perolehan dengan lebih cekap dan sistematik.

Ribuan terima kasih kepada barisan penceramah yang hebat dan berpengalaman, Puan Jery Gaong, Puan Dyg Hashimah, Cik Faustina Atong serta Encik Abg Aliff bin Abg Raduan atas perkongsian ilmu yang diberikan dan syabas kepada semua peserta kursus atas kehadiran dan komitmen yang diberikan.



BENGKEL FLIPPED CLASSROOM CeLT | 15 FEBRUARI 2022

Bengkel yang telah disertai oleh 21 orang pensyarah ini adalah untuk memberi pendedahan, merungkai fungsi/faedah, Flipped Classroom kepada pensyarah-pensyarah dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dan Jabatan Perdagangan. Selain daripada itu, templat pelan pembelajaran Flipped Classroom yang sesuai (disediakan oleh pihak CeLT JPPKK) juga dikongsi bersama para pensyarah. Bengkel ini juga dilaksanakan dengan supaya pensyarah akan lebih proaktif dalam pelaksanaan Flipped Classroom.



INNOVATION TOWARDS EXCELLENCE WORKSHOP | 22-23 FEBRUARI 2022



Seramai 42 orang pensyarah termasuk kumpulan pengurusan tertinggi telah menghadiri bengkel yang dianjurkan oleh Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Encik Mohammad Fadillah Wahi, Pensyarah Kanan, Politeknik Mukah Sarawak merupakan penceramah jemputan untuk bengkel kali ini.



Tujuan bengkel ini diadakan bagi memberikan pendedahan teknik dan strategi inovasi untuk membina kefahaman dan ilmu inovasi, meningkatkan keupayaan mencipta atau berfikir kreatif dalam menghasilkan produk inovasi serta menggalakkan penghasilan idea-idea yang kreatif dan inovatif.



BENGKEL CANTING BATIK ANJURAN POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK DENGAN KERJASAMA PIHAK PUSAT PEMBANGUNAN KRAF BETONG SARAWAK (PMBS) | 25 Mac 2022

Tahniah diucapkan buat kesemua peserta yang berjaya mengikuti Bengkel Canting Batik anjuran Politeknik METRO Betong Sarawak dengan kerjasama pihak Pusat Pembangunan Kraf Betong Sarawak pada hari ini. Bengkel ini adalah salah satu inisiatif institusi bagi memartabatkan ilmu kemahiran hasil daripada program pembelajaran sepanjang hayat (PSH).

Terima kasih kepada pihak Pusat Pembangunan Kraf Betong atas kesudian menerima kunjungan kami di bengkel Pusat Pembangunan Kraf Betong, khususnya Puan Saptuyah binti Md Edoon bersama krew atas tunjuk ajar kepada kesemua peserta yang terdiri daripada barisan pensyarah PMBS, pelajar dan juga peserta luar.

Di harap hasil dari program sebegini dapat mengeratkan hubungan antara PMBS dan PPKB dalam menjalinkan kerjasama lagi di masa akan datang seterusnya melahirkan generasi yang berdaya kreatif khasnya dalam ilmu kemahiran menghasilkan kraf yang bermutu tinggi.



30 penyereta mantaika kreativiti nero batik

BETONG: Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) ransing ngeman-sangka seni kraf enggau dagang temuui di Betong.

Penemu pasal seni kraf jari nya patut ditemu raban pelajar enggau mensia mayuh nentuka iya enda lenyau disegang arus pemansang dunya.

Nya kebuah sebangkah Program Belajar Sepanjang Idup (PSH) udah diatur asil kerejasama enggau Palan Pemansang Kraf Betong (PPKB) Sarawak.

Direktor program, Ahmad Nazrin Ab Aziz madah, program ngelinsu batik nya diatur ngambi meretika seni nya kelimpah nemu pasal pemansang produk kraf jari dia.

Tambah mega ku iya, program nya meri peluang ngagai mensia mayuh nambahka penatai pemisi nengah seni kraf tu.

"Bisi 30 iku penyereta nyeng-kaum penyereta luar, pengelicha enggau nemiak PMBS gagit masuk aktiviti ke diatur tu.

"Semua ke datai bela mantaika kreativiti diri empu pengudah diberi peluang ngelinsu enggau nero batik ditengkebang sida," ku iya.

Ahmad Nazrin madah baru, Saptuyah Md Edoon begulai enggau sekeda staf PPKB Sarawak udah ngembing bala penyereta program.

Nya alai, iya ngarapka program baka nya ulih ngedutka agi kaul antara PMBS enggau PPKB ngambi ulih nanggam kerejasama bukai dudi hari.

Kelimpah ari nya ku Ahmad Nazrin, program nya mega dikenai nempa rebak ke kreatif lebih agi ba pengelandik ngasilka kraf ti bekuaiti.



PENEMU BARU... Penyereta Bengkel Ngelinsu Batik benung nembuka batik sida.

Sumber : Suara Sarawak bertarikh 8 April 2022

PMBS ngetanka seni kraf nengah kus Diploma Dagang Temuui

BETONG: Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) mega sama bebendar ng-etanka seni kraf setiap enggau bidang ti disediakan iya nya kus Diploma Dagang Temuui.

Siti ari program belajar secumur idup asil kolaborasi begulai enggau raban Palan Pemansang Kraf Betong (PPKB) Sarawak udah dipejajala beda lama ti udah iya nya nyura batik.

Nitih ku direktor program Ahmad Nazrin Abdul Aziz, program ti dipejajala nya ngemerat enggau nyaga

pematu dalam mantu nge-mansangka seni kraf enggau dagang temuui kelebih agi di Betong.

"Program nyura batik ti dipejajala tu ungkup kena belajarka seni nya empu enggau silik agi, kelimpah nemu bekaul pemansang produk kraf jari di Betong sereta peluang ngagai komuniti di kandang menua nya nambahka penatai pemisi nengah seni kraf tu.

"Nya alai, belajarka bekaul enggau pengawa ngetanka seni kraf jari tu endang beguna antara raban institusyen sereta komuniti di kandang menua

tu ngambika seni kraf tu enda lenyau diserunyt jeman," ku iya lebut ti bejaku bekaul program ti dipejajala tu.

Ku iya nambah, bisi 30 iku pesereta nyengkaum pesereta luar, pengelicha enggau nemiak PMBS chukup temegah ati enggau aktiviti ti diatur tu.

"Semua ti datai nya bisi peluang dalam mantaika kreativiti diri lebut ti diberi awak ngelukis enggau nyura batik asil digaga sida empu," ku iya.

Aktiviti ti dipejajala tu udah diatur raban pengajar

PPKB, Saptuyah Md Edoon lalu udah disereta sekeda staf iya.

Pia mega, Saptuyah ngarapka program ti dipejajala tu ulih ngerapitka kaul antara PMBS enggau PPKB dalam ngaul kerejasama baru jemah ila.

"Rentayan kerejasama antara kededua raban tu dalam nentuka program tu mujur diatur enggau menanah.

"Tu mega deka ngadaka rebak ti ngembuan kreativiti kelebih agi penemu pengelandik ngasilka kraf ti bisi kualiti tinggi," ku iya.



UNGKUP ALBUM: Pasereta Woksyop Nyura Batik begambar enggau asil ti digaga sida.

Sumber : Utusan Borneo bertarikh 8 April 2022

KURSUS REKABENTUK GRAFIK CANVA SIRI 1 | 22 APRIL 2022

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) Politeknik METrO Betong Sarawak telah mengadakan Kursus Rekabentuk Grafik Canva Siri 1 yang dihadiri oleh 30 orang pelajar yang terdiri daripada 15 orang pelajar jurusan Kewangan dan Perbankan dan 15 orang pelajar jurusan Pengurusan Pelancongan. Kursus ini merupakan salah satu program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).

Kursus yang dilaksanakan di Makmal Komputer 1, PMBS ini adalah bertujuan untuk meningkatkan penyertaan PMBS dalam program pembelajaran sepanjang hayat yang merupakan salah satu KPI institusi bagi tahun 2022. Ia juga merupakan platform tepat untuk membantu para peserta mempelajari asas mereka bentuk poster menggunakan aplikasi Canva sejajar dengan revolusi industri 4.0. Ia juga turut memberikan nilai tambah kepada peserta dari segi kemahiran dimiliki selain cemerlang dalam bidang akademik. Penganjuran program ini juga memberikan peluang kepada PMBS untuk berkongsi kepakaran tenaga pengajar sedia ada dengan peserta kursus.

Penceramah yang dijemput adalah Cik Aren Lah Kebing iaitu pensyarah daripada Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti yang juga merupakan ahli Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia (UIDM) PMBS. Beliau banyak terlibat dalam kerja merekabentuk poster dan sebagainya untuk institusi.



Canva

CELIK HAK PENGGUNA: KENALPASTI HAK ANDA | 19 MEI 2022



Pada 19 Mei 2022, seramai 26 orang pelajar semester 2 dan 3 dari Diploma Kewangan dan Perbankan telah menghadiri Program Pensyarah Pelawat Industri (PPI) anjuran Jabatan Perdagangan PMBS, iaitu ceramah "Celik Hak Pengguna: Kenalpasti Hak Anda" hasil kerjasama PMBS bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna Cawangan Sri Aman, Tuan Dorcas Anak Sidi. Perkongsian dari pihak industri ini adalah salah satu usaha kolaborasi dalam usaha melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah mempunyai kredibiliti yang diingini majikan dan industri sebagai persiapan meneroka arus globalisasi. PMBS berterima kasih atas perkongsian yang bermanfaat yang telah dikongsi kepada para pelajar dan juga pensyarah.



‘ENGAGEMENT SESSION’ BERSAMA KSWP SRI AMAN | 19 MEI 2022

Bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Politeknik METrO Betong Sarawak, satu sesi 'Engagement' Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Cawangan Sri Aman telah diadakan untuk berkongsi produk terkini yang disediakan oleh pihak KWSP. Selain itu tujuan lawatan ini adalah untuk membincangkan program jangka panjang yang bakal dilaksanakan di masa akan datang disamping mengadakan hubungan rakan strategik.

Sesi ini disertai oleh Timbalan Pengarah, Encik Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini, Ketua Jabatan Sokongan Akademik, Puan Siti Syuhaila binti Zahari, Ketua Program Diploma Pengurusan Pelancongan, Puan Azlinda binti Ahmad, Ketua Program Diploma Kewangan dan Perbankan, Puan Muzailina binti Muslimin, Ketua Unit CISEC, Encik Anderian Baling Anak Piang, Pegawai Kolaborasi, Encik Gregory Evan Anak Nanson, dan Pegawai Alumni, Encik Muhammad Afiq Fikri bin Mohd Jafri. Rombongan KWSP Sri Aman diketuai oleh Ketua Cawangan, Puan Norlida binti Aini, bersama pegawai perkhidmatan, Encik Hafizani Akbar bin Jemi. Sesi ini juga disertai oleh Pengurus Centex Betong, Encik Andrew Anak Emparan bersama pegawai kanan, Encik Mohamad Zulhairi bin Talip, dan Ustaz Ahmad Baizuri, Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Betong.



TAKLIMAT DAN DEMONSTRASI MEMADAM API ANJURAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 27 MEI 2022

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Betong, PpGB Vincent Baling Anak Yabi serta dua orang anggota Bomba dan Penyelamat Betong yang lain, iaitu En. Mokhtar dan En. Nickson kerana sudi meluangkan masa bagi menjayakan program Taklimat dan Demonstrasi Memadam Api di PMBS hari ini.

Program ini diadakan bertujuan untuk berkongsi bersama warga PMBS berkenaan langkah yang perlu diambil sekiranya berdepan dengan kes-kes kebakaran. Pada masa yang sama, staf dan pelajar PMBS juga diajar mengenai tatacara penggunaan alat pemadam api dan cara memadam kebakaran di dapur.




BENGKEL ASAS REKOD KEWANGAN DALAM PERNIAGAAN | 17 JUN 2022



KURSUS MPU22012 Entrepreneurship dibawah pensyarah kursus Encik Patrik Jopris Aro dan Puan Emilyn Nojen telah menganjurkan Bengkel Asas Rekod Kewangan Dalam Perniagaan. Bengkel yang diadakan secara atas talian ini telah melibatkan 33 orang pelajar dari DUP2A & DKB2A.


Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan, Puan Melissa Audrey Adriana Liu Abdullah, pensyarah Kolej Komuniti Santubong atas perkongsian ilmu yang diberikan. Semoga para pelajar dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan yang diberikan bagi meningkatkan lagi kemahiran merekod kewangan dalam perniagaan.




TAKLIMAT KEWANGAN - HOW TO BUILD YOUR FINANCIAL PLAN

Pada 23 Jun 2022, Politeknik METrO betong Sarawak (PMBS) telah berkolaborasi dengan pihak Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi menganjurkan satu taklimat kewangan iaitu "How To Build Your Financial Plan".

Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh pegawai BSN Cawangan Sarikei, Cik Nur' Amira Binti Abdul Malik. Penceramah mengajar staf PMBS melakukan pengiraan kelayakan bagi pinjaman. PMBS berterima kasih atas perkongsian yang bermanfaat yang telah dikongsi kepada para kakitangan PMBS.





LAWATAN PROMOSI POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK | 14 JANUARI 2022



Satu lawatan promosi Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) ke sekolah-sekolah sekitar Kapit telah dilaksanakan oleh para pegawai PMBS, diketuai oleh Timbalan Pengarah, Encik Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini, diiringi oleh Ketua Unit Promosi HEP, Encik Anderian Baling anak Piang, dan Pegawai Kolaborasi Unit CISEC, Encik Gregory Evan anak Nanson. Antara sekolah yang dilawati adalah SMK Kapit, SMK Selirik, dan SMK Kapit No. 2.



Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada warga Kapit secara amnya serta para belia lepasan SPM khususnya, mengenai program pengajian yang ada ditawarkan di Politeknik.



PEMAKLUMAN PENGAMBILAN PELAJAR SECARA WALK-IN



PMBS menawarkan dua (2) program pengajian iaitu DIPLOAM PENGURUSAN PELANCONGAN (DUP) dan DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN (DKB) yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Tawaran tertakluk kepada syarat kemasukan dan kekosongan program.

Bagi pengambilan Sesi II 2021/2022, PMBS telah berjaya mendaftar 14 orang pelajar bagi jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan dan 19 orang pelajar bagi jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pengetua-pengetua sekolah yang terlibat kerana sudi meluangkan masa dan menerima kedatangan pihak kami.

JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT | 21 APRIL 2022

Satu program 'Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit' telah diadakan pada 21 April 2022 sebagai langkah pertama ke arah menjenamakan inisiatif membaca dengan tujuan menjadikan satu budaya membaca di kalangan warga PMBS. Seajar dengan visi tersebut, seramai 250 lebih warga PMBS telah menayakan program tersebut.

Antara objektif program ini ialah warga PMBS dapat meningkatkan minat membaca untuk mencintai dan mendalami ilmu pengetahuan. Selain itu, program ini menggalakkan warga PMBS untuk membaca pelbagai bahan bacaan.

Adalah diharapkan program dan amalan murni membaca ini dapat diteruskan dan menjadi penanda aras warga PMBS terus lebih proaktif dan berilmu.



JELAJAH PROMOSI POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK | 17-18 JUN 2022

Unit Hal Ehwal Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah turun padang bagi turut serta di dalam Program Jerayawara Ulangtahun Ke-10 TEGAS yang akan menjelajah seluruh pelusuk Sarawak selama sebulan bermula 13 Jun 2022 yang lepas.

Bertempat di kompleks Sukan Riveria, Debak pada 17 Jun 2022, PMBS diwakili oleh Encik Amydisyukrie bin Md. Yusoff dan Encik Mohamad Afiq Fikri bin Mohd Jafri, manakala Puan Winne Anak Chengai dan Encik Gregory Evan Nanson berada di Hotel Sri Simanggang, Sri Aman pada hari berikutnya, 18 Jun 2022.

Mereka telah bersama agensi-agensi dan institusi-institusi lain dalam mempromosikan produk masing-masing bagi menarik minat pelajar terutamanya pelajar lepasan SPM yang baru sahaja menerima keputusan peperiksaan mereka tempoh hari. Sekolah-sekolah di sekitar kawasan terbabit telah turut serta bagi memeriahkan lagi tapak program yang dihiasi dengan pelbagai aktiviti seperti cabutan bertuah, pameran teknologi dan inovasi serta pertandingan karaoke.

Semoga penglibatan aktif PMBS dalam program seperti ini dapat menggalakkan anak-anak muda untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya berjaya dalam kehidupan mereka.



A Decade of Innovation Excellence

JAM 09.00AM - 05.00 PM **TARIKH & LOKASI**

13/06/22 - Hotel Raxy, Serian	27/06/22 - Dewan Masyarakat, Balingian
17/06/22 - Dewan Riveria, Debak	28/06/22 - Dewan Suarah, Marudi
18/06/22 - Hotel Sri Simanggang, Sri Aman	03/07/22 - Dewan Suarah, Limbang
21/06/22 - Dewan Sentral, Sarikei	08/07/22 - Dewan Serbaguna SJK (C) Chung Hua, Betong
22/06/22 - Dewan Masyarakat, Bintangor	16/07/22 - Penview Convention Centre, Demak
25/06/22 - Dewan Suarah, Kapit	

Masuk Adalah Percuma!
Untuk info terkini dan maklumat lanjut, sila layari:
10anniversary.tegaz.org.my

BAKAR INSTITUSI PENDIDIKAN DAN LATIHAN

KEBERSEKUTUAN PERSEKUTUAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK (SARAWAK) & BERSEKUTUAN

MAJLIS DAERAH
community
MYFutureJobs
Digital Innovation



PMBS SERTAI PAMERAN SEMPENA GAWAI DAYAK BAHAGIAN BETONG | 15 MEI 2022

Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) PMBS menyertai pameran sempena Gawai Dayak Bahagian Betong 2022 yang dianjurkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Betong. Pameran ini yang julung kalinya diadakan selepas berakhir fasa pandemik telah dirasmikan oleh Datuk Robert Lawson Chuat iaitu Ahli Parlimen P.204 Betong.

Justeru, PMBS mengambil peluang ini untuk mendekati para komuniti, ibu bapa serta remaja lepasan SPM khasnya untuk menerangkan bidang kursus yang ditawarkan di PMBS serta syarat-syarat kemasukan bagi setiap kursus.



PERMOHONAN KEMASUKAN KE POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI SESI I 2022/2023 BAGI LEPASAN SPM 2018 KE BAWAH, LULUSAN SIJIL YANG DIKTIRAF MQA, LULUSAN SIJIL KEMAHIRAN (SKM) TAHAP 3 DAN LULUSAN APEL | 18 JUN 2022



Berita Baik untuk Lulusan SPM 2021 !

PERMOHONAN KEMASUKAN KE POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI Sesi I 2022/2023 BAGI LEPASAN SPM 2018 KE BAWAH, LULUSAN SIJIL YANG DIKTIRAF MQA, LULUSAN SIJIL KEMAHIRAN (SKM) TAHAP 3 DAN LULUSAN APEL

Khas untuk Lulusan SPM 2018 ke bawah dan Lulusan Sijil kemahiran yang dinyatakan, permohonan eBorang kini dibuka mulai 31 Mac 2022 melalui portal <http://ambilan.mypolycc.edu.my>

Tarikh tutup e Borang pada 28 Jun 2022.

** Bagi calon SPM 2021 dan lepasan SPM 2019-2020, permohonan adalah melalui UPU Online (<https://upu.mohe.gov.my>).

MAKLUMAT LANJUT / HUBUNGI :

Emel - jppkk.ambilan@mohe.gov.my

No. Pejabat - 0388883837 (waktu pejabat)

WhatsApp - 0198683738 (WhatsApp sahaja)

www.wasap.my/60198683738/intakepolycc2022

Bagi yang berminat dan layak memohon Diploma di Politeknik Betong Sarawak semak syarat dan pilih program :

Link Semakan Program dan Syarat Masuk di Politeknik : <http://www.pmbs.edu.my>

Link Semua Program Diploma/Syarat>Nama Politeknik-Politeknik Malaysia yang menawarkan : <http://ambilan.mypolycc.edu.my/portalbpp2/index.asp>.

Calon juga boleh menyemak kelayakan program berdasarkan kelulusan SPM/Sijil melalui link : <http://ambilan.mypolycc.edu.my/esemak/index.asp>

Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Metro Betong Sarawak

12 PEMAKLUMAN

PMBS MENERIMA PERALATAN ICT YANG BAHARU | 18 JANUARI 2022



Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah menerima peralatan ICT yang baharu daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Syarikat Pembekal untuk keperluan makmal komputer dan juga staf PMBS. Penerimaan ini diurus dan diselaraskan oleh Unit Teknologi Maklumat yang diketuai oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Encik Gregory Nelson Awai dan dibantu oleh juruteknik komputer, Cik Fazika Hamid.

Peralatan ICT ini telah melengkapkan keperluan dan juga dapat menyokong proses pengajaran dan pembelajaran dan keseluruhan operasi PMBS dalam penggunaan teknologi ICT yang terkini.



PROSES SANITASI BANGUNAN POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 25 JANUARI 2022

Proses sanitasi sedang dijalankan di semua ruangan dan bilik Blok A dan Blok B oleh pekerja pembersihan PMBS.

Sanitasi ini dilakukan sebagai langkah bagi menjaga kesihatan dan keselamatan kakitangan PMBS dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19.

Pihak Pengurusan PMBS akan sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan semua warga PMBS sewaktu berada di kampus. Kesejahteraan warga PMBS adalah keutamaan kami.



MAJLIS PERPISAHAN KETUA UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI & KETUA UNIT E-LEARNING POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 9 FEBRUARI 2022

Puan Hanini binti Marzuki telah mula bertugas di PMBS pada 8 Jun 2015. Beliau merupakan salah satu aset jabatan yang telah banyak memberi sumbangan kearah kecemerlangan jabatan, khususnya unit-unit di bawah seliaan beliau.

Beliau merupakan seorang mentor yang sangat banyak membantu pensyarah-pensyarah baharu, lebih-lebih lagi isu berkenaan sistem dan dokumentasi yang berkaitan pembelajaran dan pengajaran.

Seluruh warga kerja PMBS ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada beliau dan selamat maju jaya di tempat baharu.



SEKALUNG PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH | 30 APRIL 2022



Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Puan Jery anak Gaong, Penolong Akauntan di Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) atas khidmat jasa dan bakti yang disumbangkan dengan penuh tanggungjawab dan komitmen. Selamat maju jaya dan semoga terus cemerlang.

PEMANTAUAN BAGI PEMATUHAN GARIS PANDUAN BAGI PROJEK PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2.0 DI POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 9 JUN 2022



Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Ts. Saifulbahari bin Mohd Rasid dan En. Mohd Khusyairi Nakhouda bin Mohd Khalil dari Bahagian Perancangan Program dan Institusi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian pengajian tinggi diatas kesudian untuk meluangkan masa dan turun padang untuk melakukan pemantauan di PMBS bagi melihat sendiri dari aspek pengurusan perolehan, pengurusan kerja menaiktaraf, pengurusan pembayaran, pematuhan garis panduan dan keberkesanan penilaian outcome. Segala tunjuk ajar, maklum balas serta nasihat yang diberikan akan dipraktikkan sebaik mungkin oleh pihak PMBS.



SYABAS & TAHNIAH PPPT POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS)



Setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah diucapkan kepada PPPT PMBS yang telah berjaya pemangkuan kenaikan pangkat ke gred DH48 dan DH44.

Semoga terus cemerlang dan komited dalam perkhidmatan yang diberikan.

**PEMAKLUMAN MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK METrO
BETONG SARAWAK KE-6**



Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam PMBS dihati.

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Konvokesyen Politeknik METrO Betong Sarawak Ke-6 bagi Sesi I 2021/2022 akan berlangsung seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 5 September 2022 (Isnin)

Masa : 8.30 pagi hingga 1 tengahari

Tempat : Ballroom 3, Level 1, Hotel Seri Simanggang

Jumlah Graduan : 14 (DKB), 22 (DUP)

Tahniah dan syabas kepada semua graduan!

2022



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (2022). Info Korporat. Dimuat turun daripada <https://www.ptptn.gov.my/korporat/>

Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Betong (2022). Tarikan Pelancong. Dimuat turun daripada <https://betong.sarawak.gov.my/betongdo/page-0-144-70-Tarikan-Pelancongan.html>

Suara Sarawak (2022). Kubu Rentap dibina di Bukit Sadok. Dimuat turun daripada <https://suarasarawak.my/2022/07/kubu-rentap-dibina-di-bukit-sadok/>

Izzdin, H. (2022). Uggah: Replica of Kubu Rentap to be built at Bukit Sadok. The Borneo Post. Dimuat turun daripada <https://www.theborneopost.com/2022/07/01/uggah-replica-of-kubu-rentap-to-be-built-at-bukit-sadok/>



1. Patahka kaki,
Patahka jari,
Simpan dalam sentubung.
Ulu lungga : semin china
Saut : cheremin mata



3. Agi mit bekain,
Udah besai telanjai
Ulu lungga:beluh
Saut : buluh



2. Dipantap enda putus,
Ditunu enda angus.
Ulu lungga : asi
Saut : ai



4. Asi mansau,
Periuk pecah,
Ulu lungga : basah kening
Saut : buah kemunting



5. Ke ruai mukut apai,
Ke bilik numpu indai,
Ulu lungga : pasu
Saut : pintu



6. Endu Teruna Dara Lenta,
Dudi iya ditanya dulu iya
mai berambai,
Endun Kumang Dara
Lulung,
Dudi iya di gusung dulu iya
nemuai.



?



7. Menua : di langgung
tanah kerapa, di pasar
endur bejual beli
Ulu lungga : rumah tuan
Saut: Buah asam





Politeknik METrO Betong Sarawak
1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong,
Jalan Baru Betong,
95700, Betong, Sarawak



<https://www.pmbs.edu.my/v3/>



<https://www.facebook.com/PMBSEdu>



adminpmbs@pmbs.edu.my



politeknikmetrobetong



PolyMETrO Betong Sarawak



083-472676



083-472991

eISSN 2735-1793



9 772735 179009